

**Eksklusif**

**Temubual Bersama Penolong Naib Canselor,  
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)  
Engr. Prof. Dr. Marizan Bin Sulaiman**

**Sistem OBE**  
**Outcome Based Education System**

**7 FOKUS  
UTAMA**

**Permohonan Stok  
Individu Secara Online**

**Kawalan Dan Pengurusan Stok Lebih Sistematik**

**Modul E-Klinik**  
**Memudahkan Urusan Rawatan**

**Modul Inden Kerja Fasa 2**  
**Mantapkan Proses Secara Bersistem**

**Modul Mobiliti Outbound**  
**Sistem**

**Perkembangan**  
**Perkembangan**

T  
58.5  
.K54  
2013  
a  
v5

**Pelajar Pasca Siswazah**  
**Baru Yang Ditambahbaik**

**Migrasi**  
**Microsoft Live@edu ke Office 365**



87516003

**EKSKLUSIF**

**KANDUNGAN**

**4** **TEMUBUAL**

Engr. Prof. Dr. Marizah Bin Sulaiman,  
Penolong Naib Canselor,  
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

**18**

Modul Mobiliti Outbound -  
SMP Mantapkan Sistem -  
Pendaftaran Pelajar Pasca Siswazah -  
Perkenal Proses Baru Yang Ditambahbaik  
Migrasi - Microsoft Live@edu ke Office 365

**21**

**24**

**FOKUS**

**7**

Sistem OBE- Outcome Based Education System  
Permohonan Stok Individu Secara Online -  
Kawalan Dan Pengurusan Stok Lebih Sistematik

**12**

**14**

**15**

Modul E-Klinik - Memudahkan Urusan Rawatan  
Modul Inden Kerja Fasa 2 -  
Mantapkan Proses Secara Bersistem

**30**

**31**

**32**

Sejarah Linux  
Perisian Antivirus Eset Nod 32  
Photoshop CS6

**PC ANDA**

**26**

**27**

**28**

Kenali Microsoft Office 2010  
Apa itu Ubuntu  
Windows 8 - Pandangan Pertama Consumer

**38**

**38**

**39**

Pengumpulan Barangan Terpakai -  
Sumbangan Berterusan  
Kelahiran Bayi  
Sambutan Majlis Hari Raya Universiti -  
Pusat Komputer Juara Gerai Terbaik

**MENARIK  
SEPANJANG  
TAHUN**

**35**

**36**

**37**

Lawatan Penanda Aras OBE Dari UTHM  
Aplikasi Mobile - Lawatan Kerja Ke Pusat  
Teknologi Maklumat & Komunikasi, UPSI  
Hari Kesihatan - Rangsang Gaya Hidup Sihat

**SIDANG  
REDAKSI**

**PENAUNG**

EN. MOHD ISA BIN MOHD DOM

**EDITOR**

EN. SAMSUL BIN SAMDIN  
PN. NORHAZLENA BINTI SABTU  
PN. MIMI RAHAYU BINTI HAMD  
EN. ZAINUDIN BIN SALEH  
EN. HAZRIL BIN ABDUL WAHAB  
PN. HAYANI BINTI ABU YAMIN

Syukur kehadiran Ilahi kerana klik@PKOMP edisi ke 5 dapat diterbitkan setelah setahun tertangguh atas pelbagai tugas utama yang harus diselesaikan oleh staf Pusat Komputer.

Terbitan klik@PKOMP pada edisi ke 5 ini cuba memaparkan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang telah diberikan oleh Pusat Komputer kepada warga kampus khususnya para pelajar dan penyelidik.

lanya adalah semata-mata bagi meningkatkan keupayaan semua warga kampus di dalam melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan dengan sempurna. Selain itu juga, perkhidmatan seperti wifi di dalam kampus serta di kolej-kolej kediaman dapat meningkatkan lagi mutu pembelajaran para pelajar yang sentiasa mendapatkan maklumat-maklumat atau sumber di dalam internet.

Perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan ini, memerlukan kerjasama semua pihak di dalam peningkatan kualitinya dari masa ke semasa. Seajar dengan firman Allah

**“Dan hendaklah kamu tolong-menolong dalam perkara-perkara kebaikan dan ketaqwaan dan janganlah kamu tolong-menolong dalam perkara-perkara kejahatan dan permusuhan.”** (al-Maidah: 2)

Semoga paparan klik@PKOMP edisi ke 5 ini dapat memberikan manfaat pada kita semua.

*Azly Hisham*

Tahun 2013 telah pun tiba, pelbagai azam telah disemat di dalam hati sanubari setiap manusia. Kesemua azam tersebut boleh dirumuskan sebagai elemen meningkatkan kualiti kehidupan seseorang agar ianya menjadi lebih baik dari tahun-tahun sebelumnya.

lanya seajar dengan hadis Rasulullah SAW.

**“Sesungguhnya orang yang paling berjaya ialah orang yang hari ini lebih baik daripada semalam dan orang yang gagal adalah orang yang hari ini lebih teruk daripada semalam, manakala orang yang terpedaya adalah orang yang hari ini sama dengan hari semalam”**

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Namun keazaman yang ditanam harus disusuli dengan tindakan yang betul dan selari bagi mencapainya. Proses ini yang harus dilalui dengan tabah dan sabar kerana ujian serta cabaran yang bakal ditempuhi akan menjadikan seseorang itu berjaya atau gagal didalam mencapai azamnya.

Selain itu, semangat bekerjasama juga harus sentiasa disemai dan disuburi kerana ianya sumber kekuatan di dalam menggapai sesuatu kejayaan. Harus diingat 'sebatang lidi akan mudah dipatah'. Begitu juga dengan penerbitan klik@PKOMP edisi 5 ini adalah usaha kerjasama dari semua staf Pusat Komputer.

Marilah kita sama-sama berdoa kepada Allah, agar azam yang ditanam, disusuli dengan tindakan yang betul serta dikuatkan dengan semangat kerjasama akan menjadikan kita semua berjaya di masa akan datang.

## Dari Meja PENGARAH



### PENGARANG

PN. SYAMIMAH BINTI MOHAMAD HATA  
 PN. RAFIZAH BINTI MAHFOZ  
 EN. SAIFUL NIZAM BIN ISMAIL  
 CIK. AZILINA BINTI MD BUANG  
 EN. AL-QAIS BIN ALIAS  
 EN. EDSOFFUAN BIN YUSOF  
 EN. AHMAD ZAKI BIN ABDULLAH  
 PN. NOORAZLINA BINTI YUSOP  
 EN. MUHAMMAD NAZAM B A. BAKAR

**GRAFIK & REKALETAK**  
 CIK. AZILINA BINTI MD BUANG

**JURUGAMBAR**  
 EN. MOHD AZMI BIN SURATMAN  
 EN. MOHD FAIRUZ BIN TAIB

### PEMBACA PRUF

PN. NURSAH BINTI ABDUL WAHAB  
 PN. SITI HAJAR BINTI YAAKOB  
 HONEY AMALINA BINTI LUQMAN UL-HAKIM NG

### PENGEDARAN

PN. IRASTIKA MURNI BIN SELAMAT  
 EN. JALALUDIN BIN MOHD DIAH

*Mohd Isa*

**EDITOR**  
 AZLY HISHAM BIN HARON



## TEMUBUAL *bersama* ENGR. PROF. DR. MARIZAN BIN SULAIMAN PENOLONG NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)

➤ Sebagai sebuah jabatan yang memberi khidmat ICT kepada pelanggan, Pusat Komputer telah menyediakan pelbagai kemudahan dari segi infostruktur dan infrastruktur sebagai satu medium dalam penyampaian perkhidmatan baik dari sudut pengajaran dan pembelajaran. Bagaimanakah pendapat Prof. melihat tahap penggunaan IT di kalangan warga HEPA dan pelajar berdasarkan kemudahan yang disediakan?

Mula-mula sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih pada Pusat Komputer kerana ingin menemubual saya berkaitan dengan penggunaan IT di Pejabat HEPA dan pelajar dan keseluruhannya. Menjawab soalan yang pertama tadi setakat yang saya nampak penggunaan IT iaitu dari segi infostruktur dan infrastruktur dalam kalangan warga HEPA sendiri sangatlah baik dan di kalangan pelajar juga sangatlah baik. Walaubagaimanapun tahap penggunaan ini perlu ditingkatkan lagi dari masa ke masa supaya kita mencapai hasrat yang kita panggil e-kampus. Saya sentiasa menggalakkan semua staf di Pejabat HEPA untuk meningkatkan penggunaan yang telah disediakan.

➤ Bagi menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara berterusan, Pusat Komputer telah menyediakan perkhidmatan internet dan kemudahan *wifi* di asrama pelajar. Pada pendapat Prof, bagaimana kemudahan ini boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pelajar dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran mereka?

Penggunaan internet dan *wifi* di asrama adalah sangat penting dan menjadi keutamaan kepada pelajar. Buat masa ini, para pelajar boleh menggunakan kemudahan yang disediakan di asrama untuk tujuan P & P sebagai tugas selepas kuliah di kampus. Jadi penggunaan ini meningkat dari masa ke masa terutamanya waktu selepas kuliah yang biasanya dari petang hingga ke malam. Jadi penggunaannya secara keseluruhan meningkat dan hasil dari maklum balas dari pelajar yang ditemubual menyatakan mereka amat berpuas hati dengan perkhidmatan *wifi* yang disediakan.

**“Tahap penggunaan ini perlu ditingkatkan lagi dari masa ke masa bagi kita mencapai hasrat yang kita panggil e-kampus”**

➤ Pelajar-pelajar di UTeM dapat menikmati perkhidmatan internet secara percuma walaupun ada sebahagian IPTA lain mengenakan caj tambahan kepada pelajarannya. Apa pendapat Prof. tentang kemudahan *wifi* percuma yang UTeM sediakan di kesemua Kolej Kediaman UTeM?

Pelajar sepatutnya menghargai pihak pengurusan universiti yang menyediakan infostruktur dan infrastruktur secara percuma. Bukan semua perkhidmatan disediakan adalah percuma tetapi pelajar dikenakan caj minimum iaitu sebanyak RM20 sahaja untuk satu semester. Jadi ini meliputi apa yang ada di kampus dan juga apa yang dibekalkan di kolej kediaman. Jadi buat masa sekarang, kadar ini perlu diteruskan memandangkan kolej kediaman masih belum sempurna dengan kata lain masih ada pelajar yang tinggal di luar kampus.




**“Secara umumnya universiti memberi kemudahan IT kepada para pelajar dengan beranggapan pelajar telah matang dan bijak mengendalikan diri sendiri termasuklah fahaman-fahaman politik supaya mereka tidak terjebak dalam politik yang boleh dikategorikan sebagai politik sempit (politik sebelah pihak)”**

➤ Bagaimana pula pandangan Prof mengenai kesan serta impak kepada pelajar UTeM mengenai kemudahan *wifi* yang diberikan secara percuma ini?

Seperti mana yang saya nyatakan, pelajar perlu menghargai usaha universiti terutamanya di UTeM ini. Bagi menjadikan kampus kita mencapai taraf sebagai e-kampus jadi pelajar seharusnya mengambil peluang ini untuk meningkatkan kemudahan penggunaan capaian IT melalui *wifi* atau internet bagi P & P atau kemudahan-kemudahan lain. Kemungkinan suatu hari nanti kemudahan ini mungkin akan di cajkan untuk menampung kos pengurusan.

➤ Pada pandangan Prof., wajarkan perkhidmatan *wifi* di kolej kediaman diberikan 24/7 kepada semua pelajar? Ini memandangkan cara hidup pelajar tidak teratur disebabkan sanggup berjaga malam untuk menggunakan perkhidmatan ini.

Trend masa ini dimana-mana bukan sahaja di universiti, di warung-warung atau kedai makan sudah disediakan kemudahan *wifi*, maka perkhidmatan 24/7 perlu disediakan di UTeM sebab aliran utama kita adalah akademik, maka kemudahan *wifi* di kolej kediaman perlulah diambil kira masa 24/7. Saya beranggapan pelajar kita telah matang dalam menguruskan diri mereka semasa berada di universiti. Jadi kemudahan itu perlu disediakan, baik buruknya diharapkan pelajar tersebut menggunakan kemudahan itu dengan sebaik mungkin.



➤ Penglibatan pelajar di dalam politik amat ketara sejak kebelakangan ini di Malaysia, ini sedikitsebanyak telah menjadi internet sebagai medium saluran untuk mereka berpolitik. Bagaimana Prof. memandangkan isu ini di UTeM?

Isu politik telah banyak diperkatakan, maka internet menjadi medium yang terkini bagi para pelajar atau golongan muda ataupun golongan yang dipanggil generasi Y pada masa kini. Jadi saya berpandangan pelajar telah bijak menentukan hal politik masing-masing. Dan kami juga mengharapkan pelajar-pelajar mengambil bahagian dalam politik secara matang supaya kemudahan IT tidak disalahgunakan. Secara umumnya universiti memberi kemudahan IT kepada para pelajar dengan beranggapan pelajar telah matang dan bijak mengendalikan diri sendiri termasuklah fahaman-fahaman politik supaya mereka tidak terjebak dalam politik yang boleh dikategorikan sebagai politik sempit (politik sebelah pihak).

➤ Di zaman IT kini, Malaysia telah dilimpahkan dengan laman-laman sosial yang menarik perhatian di kalangan pelajar seperti *Facebook*, *Twitter*, *Digg*, *Youtube* dan lain-lain. Ini akan menjadi satu sebab kelekaan pelajar dalam menunaikan tanggungjawab sebagai pelajar. Apakah nasihat Prof. kepada pelajar UTeM khususnya?

Pada pandangan saya, IT merupakan satu *tools* iaitu satu kemudahan IT bukan saja untuk tujuan P&P malah untuk berkomunikasi seperti *Facebook*, *Twitter*, *Digg*, *Youtube* dan sebagainya. Jadi pelajar perlu menggunakan semua kemudahan IT bagi tujuan P&P dan bagi tujuan mendapatkan maklumat kerjaya dan masa depan mereka. Disamping itu ia juga dapat mempertingkatkan pengetahuan dan juga *softskills* mereka dengan penggunaan laman sosial. Walaubagaimanapun saya menasihati para pelajar kalau disalah guna laman-laman sosial ini akan memberi impak negatif dan pelajar harus menggunakannya secara bijak. Oleh yang demikian, UTeM sekali-kali tidak menggalakkan dan tidak membenarkan para pelajar untuk menggunakan laman-laman sosial sebagai medium kepada perkara yang negatif. Oleh itu, saya mengharapkan Pusat Komputer dapat menyekat laman-laman yang *sensored*.

➤ Sepanjang perkhidmatan ini diadakan, apakah maklumbalas dari staf dan dari pelajar khususnya tentang perkhidmatan *wifi* kolej kediaman ini?

Inilah yang selalu pelajar kemukakan iaitu kadar capaian agak perlahan terutamanya pada waktu-waktu seperti waktu malam. Saya juga mengharapkan perkhidmatan capaian internet di dalam kampus kita yang sedia ada ini juga kadar capaiannya lebih laju berbanding *wifi* yang berada di kolej kediaman di luar sana.

➤ Sebagai individu yang begitu hampir dengan para pelajar, apakah harapan Prof. pada masa akan datang usaha yang boleh dilakukan oleh Pusat Komputer khususnya dalam menyalurkan perkhidmatan internet bagi meningkatkan kecenderungan dan kebolehsanaan IT di kalangan pelajar di peringkat yang lebih tinggi amnya dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran?

Salah satu ciri graduan UTeM selain daripada berpengetahuan tinggi dan sebagainya, graduan juga perlu mempunyai kemahiran IT yang tinggi. Bukan saja dalam P&P malah IT juga merupakan satu medium sosial untuk mereka meningkatkan kemahiran insaniah. Jadi, maksudnya penggunaan IT sepenuhnya dalam P&P serta aktiviti-aktiviti pelajar begitu penting dalam usaha meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan. Kedua, Pusat Komputer perlulah mengambil langkah dalam meningkatkan kemudahan capaian *wifi* dengan menyediakan lebih banyak lagi *hot spot* di dalam kawasan kampus seperti di semua kawasan wakaf dan kafeteria memandangkan jumlah pelajar UTeM sekarang semakin meningkat.

Saya juga begitu tertarik dengan kempen/program yang telah dilaksanakan di beberapa buah universiti terutamanya universiti luar negara dan di IPTS Malaysia iaitu "Program setiap pelajar perlu mempunyai *laptop*". Program ini jelas menunjukkan bahawa IT kini menjadi satu keperluan kepada setiap pelajar. Program ini umumnya sudah lama dijalankan supaya para pelajar dapat menggunakan *laptop* dalam membuat tugas, ulangkaji disamping membuat rangkaian sosial di kalangan pelajar setempat mahupun pelajar dari luar. Secara tidak langsung, ianya dapat meningkatkan tahap P&P dan memberi manfaat kepada semua pelajar dan peluang kerjaya di masa hadapan serta memantapkan kemahiran insaniah individu pelajar itu sendiri.

Pengurusan Tertinggi UTeM juga ingin melihat pelajar kita boleh meningkatkan kemahiran insaniah melalui penggunaan IT dalam erti kata lain IT merupakan salah satu medium bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan meningkatkan tahap keyakinan diri pelajar itu sendiri.

Saya juga mewakili Pejabat HEPA ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pusat Komputer kerana dengan usaha dan produktif dalam mengambil maklumbalas dari Pejabat HEPA dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan rangkaian tanpa wayar di kolej kediaman UTeM. Pejabat HEPA juga sendiri maklum serta memahami masalah akibat kekangan bajet. Walau bagaimanapun, saya yakin dengan bajet yang sedia ada, Pusat Komputer mampu untuk buat yang terbaik untuk pelajar serta warga UTeM dalam usaha meningkatkan tahap perkhidmatan internet di seluruh kampus.



# SISTEM OBE *Outcome Based Education System*

Sistem OBE ini merupakan sistem yang dibangunkan hasil kerjasama daripada Bahagian Penyelenggaraan Sistem Maklumat, Pusat Komputer dengan Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik (PPPA), Canselori yang diketuai Oleh Dr. Jariah Bt Mohamad Juoi.

Oleh: shamimah@utem.edu.my

**BERIKUT ADALAH FUNGSI UTAMA YANG DIGARISKAN. SISTEM INI DIGUNAKAN UNTUK MENILAI PENCAPAIAN :-**

**A** OBJEKTIF PENDIDIKAN PROGRAM - PROGRAMME EDUCATIONAL OBJECTIVES (PEO)

☐ Pelaksanaan OBE mewajibkan setiap program akademik perlu mempunyai Objektif Pendidikan Program (*Programme Educational Objectives*) atau PEO. PEO perlu dibuat penambahbaikan secara bersepadu dengan penglibatan pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) agar menepati keperluan dan kehendak mereka. PEO yang disemak semula juga perlu dihubungkan dengan visi dan misi IPTA umumnya dan Fakulti khususnya.

☐ Analisis pencapaian PEO bergantung kepada indeks prestasi utama (*Key Performance Indicators, KPI*) yang telah ditetapkan dalam program yang direka bentuk. KPI akan ditentukan oleh Timbalan Dekan Akademik / Ketua Jabatan dan akan dimasukkan ke dalam sistem.

☐ Hasil Program (*Programme Outcomes, PO*) perlu sejajar dengan PEO. PO mestilah dinyatakan secara eksplisit merangkumi pengetahuan, kemahiran dan sikap yang perlu dicapai oleh graduan. Pada umumnya setiap program mempunyai sembilan pernyataan PO.

☐ Analisis pencapaian PO bergantung kepada indeks prestasi utama (*Key Performance Indicator, KPI*) yang telah ditetapkan dalam program yang direka bentuk. KPI akan ditentukan oleh Timbalan Dekan Akademik / Ketua Jabatan dan akan dimasukkan ke dalam sistem.

☐ Hasil Pembelajaran adalah jangkaan apa yang pelajar tahu dan boleh buat setelah tamat mengikuti kursus pengajian mereka. Pernyataan LO perlu jelas aspek kognitif, psikomotor dan afektif yang perlu dicapai oleh para pelajar di akhir kursus. Secara umumnya, setiap mata pelajaran dalam mana-mana program akademik dicadangkan mempunyai tiga hingga lima pernyataan LO yang menyumbang tiga hingga empat PO sahaja.

☐ Pembinaan pernyataan LO bagi setiap mata pelajaran boleh dimantapkan dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i. LO mempunyai unsur kata kerja (*verb*), Syarat (*Condition*) dan Piawai (*Standard*);
- ii. LO mestilah dapat diukur dan dicapai serta bersesuaian dengan topik-topik yang terkandung dalam mata pelajaran yang diajar. LO ini juga perlu berpandukan kepada domain Kognitif, Afektif & Psikomotor iaitu merujuk kepada tahap pemikiran, tindakan dan nilai tertinggi yang bakal dicapai.

**B** HASIL PROGRAM - PROGRAMME OUTCOMES (PO)

**C** HASIL PEMBELAJARAN - LEARNING OUTCOMES (LO)




Secara keseluruhannya sistem ini digunakan adalah bertujuan untuk menilai pencapaian hasil dalam proses pembelajaran seseorang pelajar berdasarkan matlamat yang ditetapkan bermula daripada peringkat Universiti, Fakulti, Program dan akhirnya mata pelajaran melalui kaedah-kaedah yang dilakukan oleh pelajar dan penilaian yang dilakukan oleh pensyarah.


Untuk tujuan pelaksanaan sistem OBE ini, dua bengkel telah diadakan bertempat di Pusat Komputer dan dihadiri oleh staf akademik yang terdiri daripada Timbalan Dekan, Ketua Jabatan dan pensyarah yang terlibat dengan mata pelajaran untuk tujuan OBE. Bengkel ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi taklimat dan menerangkan kepada staf tentang proses OBE secara berkomputer dan tatacara penggunaan sistem.

Sistem ini telah dilaksanakan bermula dengan sesi pengajian 2-2011/2012-B bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda untuk 7 buah fakulti iaitu FPTT, FKE, FKEKK, FKM, FKP, FTMK dan FTK . Sebanyak 71 mata pelajaran yang telah dikenal pasti untuk tujuan pelaksanaan OBE pada kali ini dan dirancang akan digunakan sepenuhnya bagi sesi pengajian 1-2012/2013-B bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda. Sistem ini diintegrasikan sepenuhnya dengan Sistem Maklumat Pelajar (SMP) bagi menjamin kesepaduan data.

Sistem OBE ini dibangunkan dan dilaksanakan secara berfasa. Bagi Fasa I ini merangkumi beberapa sub modul utama dan fungsinya adalah seperti berikut :-





Antara kelebihan yang diperolehi daripada sistem OBE ini adalah :-



Pusat Komputer ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses pembangunan dan pelaksanaan sistem OBE ini. Semoga sistem ini dapat membantu dalam melancarkan segala urusan kerja yang berkaitan.



CARTA ALIR SISTEM OBE FASA 1



Registration

# SISTEM OBE *Outcome Based Education System*

PROGRAMME OUTCOMES VS PROGRAM EDUCATIONAL OBJECTIVES

Name: MUHAMMAD FAHMI BIN MISKON, Faculty: FKE, Programme: BEKM, Session: 1-2011/2012-B, No. Staf: 00260

No	PO Code	PO Description	Programme Educational Objectives (PEO)				
			PEO1	PEO2	PEO3	PEO4	PEO5
1	PO01	Ability to apply fundamental knowledge of mathematics, sciences, electrical and/or mechatronic engineering	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	PO02	Ability to design a system, component, or process to meet the desired needs within realistic constraints such as economic, environmental, social, political, ethical, health and safety, manufacturability and sustainability	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	PO03	Ability to design and conduct experiments, as well as to analyze and interpret data for practice and applications	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>
4	PO04	Ability to identify, formulate and solve engineering problems	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	PO05	Ability to use engineering tools necessary for engineering practices	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>
6	PO06	Ability to practice professional and ethical conduct	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	PO07	Ability to communicate effectively	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	PO08	Ability to function in a team effectively with the capacity to be a leader	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	PO09	Ability to undertake lifelong learning	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10	PO10	Ability to identify fundamental entrepreneurship skills as applied in the engineering profession	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11	PO11	Ability to have knowledge of contemporary issues	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Sum of PEO selection			4	9	6	5	3

Mapping

METHOD VS LEARNING OUTCOME (LO) PROGRAMME OUTCOME (PO)


Name: MUHAMMAD FAHMI BIN MISKON, Faculty: FKE, Programme: BEKM, Session: 1-2011/2012-B, Subject: BEKC4773 - ROBOTIK & AUTOMASI, No. Staf: 00260

Butiran Mata Pelajaran: 1-2011/2012-B, Subject: BEKC4773 - ROBOTIK & AUTOMASI

New Registration: Method Code: PA-1, Learning Outcomes (LO): LO01, Programme Outcomes (PO): PO01, Soft Skills (KI): CS2, Taksonomi: A3

No	Method Code	Category	Learning Outcomes (LO)	Programme Outcomes (PO)	Soft Skills (KI)	Taksonomi
1	PA-1	PEPERIKSAAN AKHIR	LO01	PO02	CS2	A3
2	PA-2	PEPERIKSAAN AKHIR	LO02	PO01	CTPS2	P1
3	PA-3	PEPERIKSAAN AKHIR	LO03	PO04		
4	PA-4	PEPERIKSAAN AKHIR	LO03	PO04		
5	PA-5	PEPERIKSAAN AKHIR	LO03	PO04		
6	PA-6	PEPERIKSAAN AKHIR	LO04	PO05	CS4	P1
7	TG-1	ASSIGNMENT	LO02	PO01		
8	TG-2	ASSIGNMENT	LO04	PO05		
9	UJ-1	TEST	LO01	PO02		
10	UJ-2	TEST	LO02	PO01		

Assessment



Welcome To Outcome Based Education System - Windows Internet Explorer  
 http://development.utem.edu.my/portal/smp/obef/ust\_frame.asp?url=MUHAMMAD%20FAHMI%20BIN%20MISKON

**Learning Outcomes (LO) and Programme Outcomes (PO) Assessment**

Lecturer : MUHAMMAD FAHMI BIN MISKON No. Staf : 00260  
 Session Course : 1-2011/2012-B  
 Subject : [Dropdown]

Papar Cetak

**Learning Outcomes (LO) and Programme Outcomes (PO) Assessment**

COURSE : BEKM  
 SUBJECT : ROBOTIK & AUTOMASI  
 SUBJECT CODE : BEKC4773  
 SESSION : 1-2011/2012-B  
 LECTURER : MUHAMMAD FAHMI BIN MISKON

No	No Matrik	Nama	Kaedah										Jumlah			
			Pa-1	Pa-2	Pa-3	Pa-4	Pa-5	Pa-6	TG-1	TG-2	Li-1	Li-2				
			Max Marks													
			LO	LO	LO	LO	LO	LO	LO	LO	LO	LO	LO	LO	LO	
			PO	PO	PO	PO	PO	PO	PO	PO	PO	PO	PO	PO	PO	
1	8010810242	ADY YAZID BOSTAMI BIN AHMAD	4.5	1	4.5	4.5	8	3.5	15	8.5	7.5	57				
2	8010710012	AHMAD AKMAL ASMA' BIN SHAMSU DIN	7	0	4	7	8.5	5	6.5	12	8	58				
3	8010710142	AZRI AIMAN BIN ADANAN	7	10	8.5	5	7	4	10.5	13	7	72				
4	8010810080	KHAIROL ANWAR BIN ABUL HAMID	7.5	9	6.5	6	4	11	9	8	61					
5	8010710109	KHAIROL ANWAR BIN KHAIRUDDIN	2	9	7.5	4.5	5	8	11	5.5	52.5					
6	8010710184	KHAIROLIZZAT B MOHAMED YUSOF	9	1	9	5	7.5	5	10	14	8	68.5				
7	8010710080	LAU HONG SHENG	9.5	9.5	10	9.5	5	3	10	14	8.5	79				
8	8010710056	MOHAMAD IZZAT BIN AZMI	9.5	6	9.5	9.5	4	13	12	8.5	74.5					
9	8010710045	MOHD BAZU BIN BAHAR	10	10	9.5	9	2	4	15	13	10	82.5				
10	8010710124	MOHD FALZI BIN ABDOL	5	7	9	6.5	4.5	5	10	9	9.5	65.5				
11	8010810229	MOHD HAFIZ BIN HAIKUDIN	4	7	7.5	8	4	11	10.5	9.5	61.5					

Registration  
 Mapping  
 Assessment  
 Reports  
 > LO/PO Assessment  
 > Full Marks Assessment  
 > LO/PO Achievement  
 > LO/PO Evaluation  
 Back to Portal  
 Download Guide  
 Latest Login:  
 Date : 11/11/2011  
 Time : 10:44:50 AM

Report



Modul Pengurusan Stor merupakan salah satu modul yang terkandung di bawah Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB), di mana pembangunan dan pelaksanaan modul ini adalah secara berfasa. Fasa pertama telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2011 dan pembangunan fasa kedua iaitu Permohonan Stok Individu telah dilaksanakan pada tahun 2012.

# PERMOHONAN STOK INDIVIDU SECARA ONLINE *Kawalan Dan Pengurusan Stok Lebih Sistematis*

Permohonan Stok Individu dibangunkan bagi membolehkan setiap staf (pengguna) di UTeM membuat permohonan stok secara individu. Modul ini telah dibangunkan menggunakan ASP.Net, satu platform baru yang ditambah baik di pihak Pusat Komputer di mana modul ini boleh dicapai melalui portal SMKB UTeM.

Bengkel latihan pengguna yang disertai oleh Pegawai Aset dan Kerani PTJ telah diadakan untuk menerangkan tatacara penggunaan modul ini. Bengkel ini telah diadakan di Bilik Latihan, Pusat Komputer. Prosesnya amat mudah di mana pemohon hanya perlu memohon dan kelulusan akan dilakukan oleh Pegawai Aset di PTJ masing-masing dan kedudukan stok akan terus dikemas kini dan direkodkan secara automatik. Dengan ini, kedudukan stok khususnya di PTJ akan dapat dikawal dengan lebih sistematik.





Figure 1 : Proses Permohonan Stok Individu

Berikut adalah antara muka modul Permohonan Stok (Individu)

**1. Skrin Permohonan**

Skrin untuk melakukan permohonan stok yang diperlukan. Pemohon hanya perlu menyatakan jenis bekalan (Stok) yang diperlukan, kuantiti dan juga tujuan kegunaan.




Figure 2 : Skrin Permohonan Individu

**2. Skrin Kelulusan**

Pegawai Aset PTJ perlu menyemak maklumat permohonan dan seterusnya menyatakan kuantiti permohonan yang diluluskan. Kedudukan stok akan diselaraskan secara automatik untuk tujuan pelaporan dan pemantauan




Figure 3 : Skrin Kelulusan Individu Mengikut PTJ

# UTeM laksana sistem e-klinik memudahkan urusan rawatan

MELAKA 7 Feb. - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) melaksanakan sistem e-klinik dalam usaha memastikan setiap kakitangan memperoleh rawatan dan perubatan serta memudahkan urusan di klinik panel.

Sistem yang dibangunkan oleh Pusat Komputer UTeM dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO), pejabat Pendaftar serta pejabat Bendahari UTeM itu dibangunkan bagi memudahkan urusan pembayaran rawatan sekali gus menjimatkan masa.

Pengarah Pusat Komputer UTeM, Mohd. Isa Mohd. Dom (gambar) berkata, objektif utama sistem tersebut adalah untuk mempertingkatkan kemudahan sedia ada kepada ka-



kitangan UTeM.

"Bagi memastikan pelaksanaan sistem ini berjalan lancar serta memenuhi kriteria yang ditetapkan, satu sesi taklimat telah diadakan baru-baru ini.

"Sesi tersebut telah disertai oleh wakil daripada 16 buah klinik panel perubatan dan pergisian yang berdaftar dengan universiti ini," katanya di sini baru-baru ini.

Katanya, mereka yang hadir telah diberi penerangan secara menyeluruh tentang penggunaan sistem tersebut iaitu bukan hanya memudahkan urusan perubatan kakitangan malah, urusan pengendalian klinik-klinik panel yang terlibat.



SEBAHAGIAN daripada para wakil klinik-klinik panel UTeM mendengar taklimat pelaksanaan sistem e-klinik di Melaka, baru-baru ini.

## Modul E-Klinik Memudahkan urusan rawatan

Oleh: norleen@utem.edu.my

Awal Januari 2012, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengorak langkah bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan pengurusan klinik dan memudahkan staf UTeM mendapat rawatan di klinik panel. Ia melibatkan rawatan biasa dan juga rawatan pergisian.

Sistem yang dibangunkan oleh Pusat Komputer UTeM dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO), Pejabat Pendaftar serta Pejabat Bendahari UTeM itu dibangunkan bagi memudahkan urusan perubatan staf, pembayaran rawatan serta urusan pengendalian klinik-klinik panel yang terlibat.

Berdasarkan Surat Edaran Pentadbiran Bilangan 6 Tahun 2012 bertarikh 10 Februari 2012, staf dan tanggungan yang ingin mendapat rawatan tidak perlu lagi membawa buku rawatan klinik panel seperti tahun-tahun sebelumnya.

Staf hanya perlu membawa Kad Pengenalan/Kad Matrik Staf/Kad Pengenalan Tanggungan dan maklumat staf dapat dicapai terus melalui sistem dengan cepat dan mudah. Di samping itu staf juga tidak perlu lagi mengisi borang resit seperti sebelumnya. Ini sekali gus selain menjimatkan masa, ia juga dapat mengurangkan kos pengurusan bagi penyediaan buku rawatan dan buku resit.

Bagi pihak klinik panel pula, maklumat staf dan tanggungan dapat dicapai dengan mudah dan cepat. Maklumat rawatan dapat dimasukkan dalam sistem dengan mudah dan sistematik.

Sebelum perlaksanaan secara menyeluruh dilakukan, beberapa sesi taklimat berkaitan penggunaan sistem e-klinik dilakukan kepada klinik panel yang berdaftar dengan Universiti pada 27 Disember 2011 dan 27 Januari 2012 bertempat di Bilik Latihan Pusat Komputer UTeM bagi memastikan pelaksanaan sistem ini dapat berjalan lancar serta memenuhi kriteria yang ditetapkan.





# MODUL INDEN KERJA FASA II

## MANTAPKAN PROSES SECARA BERSISTEM



Modul Inden Kerja merupakan salah satu modul di bawah Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB). Modul Inden Kerja dibangunkan bertujuan untuk menguruskan hal-hal berkaitan inden kerja (Tender dan sebut harga) yang dikawal selia secara berpusat oleh Pejabat Pembangunan, UTeM.

Modul Inden Kerja Fasa II ini merupakan kesinambungan dari Modul Inden Kerja Fasa I yang telah dilaksanakan pada tahun 2011. Bagi pembangunan Modul Inden Kerja Fasa II, terdapat pertambahan proses iaitu proses pra-kontrak dan pasca-kontrak. Skrin Pra-Kontrak digunakan untuk memasukkan maklumat pra kontrak, di mana maklumat pra-kontrak perlu dimasukkan sebelum Permohonan Inden Kerja dapat disediakan di dalam sistem.

Manakala skrin Pasca Kontrak pula dibangunkan untuk mengemas kini maklumat terperinci sesuatu kontrak seperti Bon Pelaksanaan, Maklumat Insurans Pampasan Pekerja dan Insurans Tanggungan Awam, Maklumat Sijil-sijil yang dikeluarkan seperti Perakuan Kerja Tak Siap (CNC), Perakuan Siap Kerja (CPC), dan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD), pengiraan Amaun Ganti Rugi Yang Ditetapkan (LAD), maklumat terperinci mengenai Lanjutan Masa bagi setiap projek, serta maklumat-maklumat lain seperti Maklumat Perubahan Kerja (VO), dan juga Laporan Prestasi Bulanan Kontraktor.

Berikut adalah keseluruhan sub modul Inden Kerja.



Petunjuk : ■ Sub Modul Baru ■ Sub Modul Sedia Ada

Oleh: rafizah@utem.edu.my

Modul Inden Kerja Fasa II telah mula dilaksanakan dan digunakan sepenuhnya pada Februari 2012. Berikut adalah antara screen shot Modul Inden Kerja Fasa II:



### 1. Skrin Pra Kontrak (Tab Projek, Lukisan Dan Tawaran)

Skrin ini adalah bertujuan untuk merekodkan maklumat berkaitan dengan Maklumat Asas Projek, Maklumat Dokumen Meja Tawaran dan Maklumat Proses Tawaran.

**Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu - ver.1.12.12 (00501/070000)**

**Bajet** | **Pra Kontrak ( Pra Kontrak )**

**Pembelian** | **Pembayaran** | **Jurnal** | **Penerimaan** | **Pendataran Syaratik** | **Gaji** | **Pendahuluan & Tunjara** | **Penutupan Akaun** | **Akaun Penghutang** | **Pinjaman** | **Penyesuaian Bank** | **Wang Panjar Runcit** | **Inden Kerja**

**Pra Kontrak** | **Mohon Inden Kerja** | **Kelulusan Inden Kerja** | **Cetak Inden** | **Penyusunan Sijil**

**Projek, Lukisan Dan Tawaran** [Kelayakan Dan Lawatan]

**Maklumat Projek**

No Sebutharga / Tender: UTeM/PP/SH(a)/11(22)

Nama Projek: KERJA-KERJA MENYALIRKAN BEBERAPA KEMUDAHAN KE TEMPAT BARU YANG DIBENARKAN DAN MEMBAIKI KEMUDAHAN TERSEBUT DI KOLEJ KEDIAMAN TTU3, TAMAN TASIK UTAMA, AYER KEROH, MELAKA

Jenis:  Sebutharga  Sebutharga Kecil  Tender

PTJ: 050000 - PEJABAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN ASET

Peg Pemohon: MUSA BIN ABDULLAH - 00139

Peg Penerima: AIDAYANTI BINTI AHMAD - 01837

Kelulusan Pada Mesyuarat Bil: 1/2012

Status: L - Lulus

Catatan Status: telah diluluskan

**Dokumen Meja Tawaran**

Tih Siap Lukisan Tawaran: 02/02/2012

Tih Siap Dokument Meja Tawaran: 02/02/2012

**Proses Tawaran**

Tarikh Iklan: 02/02/2012 Hingga: 02/02/2012



**2. Skrin Pra Kontrak (Tab Kelayakan dan Lawatan)**

Skrin ini adalah bertujuan untuk merekodkan maklumat berkaitan dengan kelayakan Kontraktor (Pusat Khidmat Kontraktor) dan maklumat lawatan tapak

**Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu - ver1.12.12 (00501/070000)**

**Pra Kontrak ( Pra Kontrak )**

Projek, Lokasi Dan Tawaran: **Kelayakan Dan Lawatan**

**Kelayakan Kontraktor (Pusat Khidmat Kontraktor)**

Kelas: **A-Kelas A** CIOB: **G4 - Gred G4**

Kepala: **IV - LAIN-LAIN KERJA PAKAR KEJURUTERAAN AWAM** Kementerian Kewangan (Bidang):  
 Sub-Kepala: **10(c) - Pebagai Kerja-kerja Ujian Yang Tidak Memberikan Kesan F** 090202 - Racun Berjadual (perlu lesen farmasi)

Tambah Ke Senarai Hapus Dari Senarai

BI	Kepala	SubKepala	BI	Subran
1	V - KERJA-KERJA KUARI, MEMBEKAL L	4 - Kerja-kerja Angkut dan Pengangkutan	1	Mesn-mesn Kediaman

**Lawatan Tapak**

Tarikh: **10/01/2012** Masa: **12:00:00 AM**

Tempat: **Masjid UTeM**

Kemaskini Ke Senarai Hapus Dari Senarai

BI	Tarikh	Masa	Tempat
1	10/01/2012	00:00:00	Masjid UTeM



**3. Skrin Pasca Kontrak (Tab Maklumat Kontrak dan Bon Pelaksanaan)**

Skrin ini adalah bertujuan untuk merekodkan maklumat berkaitan dengan Maklumat Kontrak dan Bon Pelaksanaan.

**Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu - ver1.12.12 (00501/070000)**

**Pasca Kontrak ( Pasca Kontrak )**

**Kontrak Dan Bon Pelaksanaan** | Inis-Kerja Dan Tanggungan Awam | Sijil Kontrak Dan Lanjutan Masa | Kerja, Kualiti Dan Prestasi

**Pasca Kontrak**

No Kontrak: **UTeM/SH 2012 (1)**

Tajuk Projek: **KERJA-KERJA PEMBERSIHAN BANGUNAN DAN LANDSKAP DI KAWASAN MASJID UTEM**

No. Inden: **SUTEMPPEMB00030112**

Nama Kontraktor: **NC001757 - IBS TEGUH ENTERPRISE**

**Bon Pelaksanaan**

No. Polisi: **123456**

Tarikh Mula: **12/01/2012** | **5** Bulan | **Kia** | Tarikh Hingga: **12/06/2012**

Institusi Kewangan: **Maybank**

Kemaskini Ke Senarai Hapus Dari Senarai

BI	No. Polisi	Tkh Mula	Tkh Hingga	Institusi Kewangan
1	123456	12/01/2012	12/06/2012	Maybank





**4. Skrin Pasca Kontrak (Tab Ins.Kerja dan Insurans Tanggungan Awam)**

Skrin ini adalah bertujuan untuk merekodkan maklumat berkaitan dengan Maklumat Insurans Pampasan Pekerja dan Insurans Tanggungan Awam.

**Insurans Pampasan Pekerja**

No. Polisi: \_\_\_\_\_  
 Tarikh Mula: 12/01/2012 Tarikh Hingga: 12/01/2012  
 Institusi Kewangan: \_\_\_\_\_

Bi	No Polisi	Tjh.Mula	Tjh.Hingga	Institusi Kewangan
1	654321	12/01/2012	12/05/2012	tafaful

**Insurans Tanggungan Awam**

No. Polisi: \_\_\_\_\_  
 Tarikh Mula: 12/01/2012 Tarikh Hingga: 12/01/2012  
 Institusi Kewangan: \_\_\_\_\_

Bi	No Polisi	Tjh.Mula	Tjh.Hingga	Institusi Kewangan
1	632541	12/01/2012	12/05/2012	tafaful



**5. Skrin Pasca Kontrak (Tab Sijil Kontrak dan Lanjutan Masa)**

Skrin ini adalah bertujuan untuk merekodkan maklumat berkaitan dengan Maklumat Sijil Kontrak, Lanjutan Masa (EOT) dan maklumat Perakuan Siap Membaiki Kecatatan (CMGD).

**Sijil Kontrak**

Tarikh Perakuan Kerja Tak Siap (CNC): 14/02/2012  
 Tarikh Perakuan Siap Kerja (CPC): 22/02/2012  
**Amaun Ganti Rugi Tertentu Dan Diletakkan (IAD)**  
 Tjh.Mula: 22/02/2012 Bit.Hari: 5  
 Tjh.Hingga: 26/02/2012 Kadar (RM): 15  Kira Jumlah Amaun (RM): 75.00

**Lanjutan Masa (EOT)**

Bit: 2  
 Tarikh Dari: 03/02/2012 Tarikh Hingga: 03/02/2012  Kira  Tempoh  Hari

Bi	Tjh.Dari	Tjh.Hingga	Tempoh
1	03/02/2012	29/02/2012	26


**Tarikh Perakuan Siap Membaiki Kecatatan (CMGD)**

Tarikh Mula: 28/02/2012 Tempoh: 1 Bulan  Kira Tarikh Tamat: 28/03/2012



**6. Skrin Pasca Kontrak (Tab Kerja, Kuantiti dan Prestasi)**

Skrin ini adalah bertujuan untuk merekodkan maklumat berkaitan dengan Maklumat Perubahan Kerja (VO) / Pelarasan Kuantiti, dan Prestasi Kontraktor.



Secara keseluruhannya, modul Inden Kerja ini sentiasa dipantau dari masa ke semasa untuk memastikan keperluannya memenuhi kehendak pengguna, seterusnya melancarkan segala urusan kerja yang berkaitan.

## MODUL 'MOBILITI OUTBOUND'

### SMP Mantapkan Sistem

Oleh: qais@utem.edu.my

**P**rogram mobiliti pelajar adalah salah satu program pengajian akademik yang telah diaplikasikan di UTeM. Program mobiliti pelajar ini dibahagikan kepada 2 iaitu *Mobiliti Inbound* dan *Mobiliti Outbound*.

Dalam konteks UTeM, *Mobiliti Inbound* adalah program pertukaran pelajar dari institusi luar ke UTeM manakala *Mobiliti Outbound* pula adalah program pertukaran pelajar dari UTeM ke institusi luar.

Program mobiliti ini adalah bertujuan untuk mendedahkan dan memberi pengalaman kepada pelajar yang mana mereka perlu menjalani program akademik selama satu semester di institusi luar. Ini akan dapat membantu pelajar untuk menjalani latihan ilmiah dan menimba pengalaman baru serta mewujudkan suasana kolaborasi antara institusi-institusi yang terlibat.

Modul *Mobiliti Outbound* ini merupakan salah satu modul yang terkandung di dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP). Modul ini telah dibangunkan hasil kerjasama di antara Jabatan Penyelenggaraan Sistem Maklumat Pelajar, Pusat Komputer dan Bahagian Pengurusan Akademik (BPA). Pelaksanaan modul ini bermula bagi sesi pengajian 1-2011/2012.

Berikut merupakan pecahan senarai pelajar UTeM yang mengikuti program *Mobiliti Outbound* mengikut universiti :

Bil	Nama Universiti	Bil
1	UNIVERSITAS DIAN NUSWANTORO (UDINUS)	15
2	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)	8
3	UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)	5

Modul ini memberikan kemudahan kepada Bahagian Pengurusan Akademik untuk menyelaraskan pelajar dan juga mata pelajaran UTeM yang telah didaftar bagi pelajar yang terlibat. Terdapat beberapa proses penting di dalam modul ini:-

#### 1. PENDAFTARAN

- Pendaftaran Tempat Mobiliti
- Pendaftaran Matapelajaran Mobiliti
- Penyetaraan Matapelajaran Mobiliti
- Pendaftaran Pelajar Mobiliti

#### 2. KEMASUKAN GRED MATAPELAJARAN MOBILITI

- Kemasukan Dilakukan Oleh Bpa
- Proses Pengiraan Gpa Dan Cgpa Untuk Menentukan Keputusan Peperiksaan Pelajar

# 1. PENDAFTARAN

## A. PENDAFTARAN TEMPAT MOBILITI

Beberapa maklumat penting diperlukan di dalam proses ini seperti nama penuh dan nama singkatan tempat, mobiliti serta negara, tempat tersebut.

MAKLUMAT TEMPAT MOBILITI			Baru	Simpan	Hapus
Nama Tempat :	UNIVERSITAS DIAN NUSWANTORO				
Nama Singkatan :	UDINUS	Negara :	INDONESIA		

## B. PENDAFTARAN MATAPELAJARAN MOBILITI

Semasa pendaftaran ini tiga elemen penting seperti TEMPAT MOBILITI, SESI PENGAJIAN DAN FAKULTI perlu dipilih terlebih dahulu supaya mata pelajaran mobiliti yang dimasukkan akan disetkan kepada elemen tersebut. Seterusnya Kod MP dan Nama MP mobiliti didaftarkan. Modul ini membenarkan pendaftaran secara berbilang.

PENDAFTARAN & PENSETERAHAN MP UDINUS DENGAN FAKULTI FKE SESI 1-2011/2012-B						+	-
Mobiliti			UTeM				
	Kod MP	Nama MP		Kod MP	Nama MP		
<input type="checkbox"/>	ABCD1234	MATEMATIK LOGIKA	Setara	BEKA1233	MATEMATIK KEJURUTERAAN		
						Simpan	

## C. PENYERTARAAN MATAPELAJARAN MOBILITI

Semasa proses setara ini hanya mata pelajaran Universiti dan Fakulti yang berkenaan sahaja yang akan dipapar dan diberikan pilihan. Pensetaraan melibatkan mata pelajaran mobiliti dan mata pelajaran UTeM. Proses ini penting supaya terdapatnya hubungan di antara kedua-dua jenis mata pelajaran ini (mobiliti dan UTeM) kepada senarai mata pelajaran yang telah didaftarkan oleh pelajar dan dihubungkan secara automatik.

Berikut adalah contoh senarai mata pelajaran mobiliti dan mata pelajaran Universiti dan Fakulti (UTeM) yang telah didaftarkan dan disetarakan.

MAKLUMAT TEMPAT MOBILITI						Baru	Simpan	Hapus
Nama Tempat :		UNIVERSITAS DIAN NUSWANTORO						
Nama Singkatan :		UDINUS	Negara :		INDONESIA			
FAKULTI :		FKE	SESI :		1-2011/2012-B			
SENARAI MATAPELAJARAN						x	+ MP	- MP
	Mobiliti			UTeM				
	Kod MP	Nama MP		Kod MP	Nama MP			
<input type="checkbox"/>	E112105	ILMU BUDAYA DASAR		BLHW1702	TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA			
<input type="checkbox"/>	E112501	MANAJEMEN PROYEK		BLHC4082	PENGURUSAN PROJEK			
<input type="checkbox"/>	E112106	ILMU ALAMIAH DASAR		BLHW1722	FALSAFAH SAINS DAN TEKNOLOGI			
<input type="checkbox"/>	E112210	MATEMATIKA 3		BEKA2333	PERSAMAAN PERBEZAAN			
<input type="checkbox"/>	E112212	RANGKAIAN ELEKTRIK		BEKU2333	LITAR ELEKTRIK II			
<input type="checkbox"/>	E112225	SISTEM KONTROL		BEKC3533	PENGANTAR SISTEM KAWALAN			
<input type="checkbox"/>	E112105	MAJEMEN PROYEK		BLHC4082	PENGURUSAN PROJEK			

**D. PENDAFTARAN PELAJAR MOBILITI**

Hanya pelajar-pelajar yang berstatus *MOBILITI-OUTBOUND* sahaja yang akan dipapar dan diberikan pilihan semasa pendaftaran pelajar mobiliti ini. Sistem mengawal supaya tidak berlaku kesilapan teknikal ataupun *human error* dalam proses pendaftaran ini.

Pendaftaran ini juga menekankan tiga elemen penting seperti TEMPAT MOBILITI, SESI PENGAJIAN DAN FAKULTI. Pelajar mobiliti yang mengikuti program ke tempat mobiliti berkenaan sahaja yang perlu didaftarkan, manakala pelajar mobiliti lainnya akan didaftar kepada tempat mobiliti yang lain.

**PENDAFTARAN PELAJAR MOBILITI DARI FAKULTI FKE SESI 1-2011/2012-B KE UDINUS**

Carian menggunakan

No. Matrik :

Carian boleh dilakukan dengan kemasukan rekod yang berbilang  
Guna tanda koma "," sebagai pemisah di antara rekod-rekod.  
Contoh : B011110001,B011110002,B011110003

<input checked="" type="checkbox"/>	No. Matrik	Nama	Kursus
<input type="checkbox"/>	B011010366	MUHAMMAD NUR A'DNAN BIN ABU BAKAR	BEKP

Berikut adalah contoh senarai pelajar fakulti tertentu yang mengikuti mobiliti di sesuatu tempat mobiliti tertentu pada sesi mobiliti tersebut.

MAKLUMAT TEMPAT MOBILITI

Nama Tempat :  Negara :

Nama Singkatan :  FAKULTI :  SESI :

SENARAI PELAJAR

<input type="checkbox"/>	No. Matrik	Nama	Kursus
<input type="checkbox"/>	B011010132	D'AZHMA SHAH BIN DAUT @ DAUD	BEKP
<input type="checkbox"/>	B011010304	MUHAMAD HAFIZI BIN ISMAIL	BEKC
<input type="checkbox"/>	B011010366	MUHAMMAD NUR ADNAN BIN ABU BAKAR	BEKP

**2. KEMASUKAN GRED MATAPELAJARAN MOBILITI**

Pada akhir semester mobiliti, pelajar mobiliti akan memperolehi keputusan hasil pengajian satu semester mereka di sana. Keputusan ini akan dimaklumkan kepada pihak Fakulti dan BPA. Langkah seterusnya ialah gred yang telah diperoleh pelajar akan disemak, disah dan diisi oleh BPA berdasarkan mata pelajaran yang telah didaftarkan sebelum ini.

Kemasukan gred ini sangat penting kerana ia akan melengkapkan proses pengiraan GPA dan CGPA serta seterusnya menentukan keputusan pelajar bagi semester yang berkenaan.

**KEMASUKAN GRED MP PELAJAR MOBILITI SESI 1-2011/2012-B DARI UDINUS**  
NAMA : D'AZHMA SHAH BIN DAUT @ DAUD NO. MATRIK : B011010132

<input checked="" type="checkbox"/>	Kod MP (U)	Nama MP (UTeM)	Kod MP (M)	Nama MP (Mobiliti)	Gred	Mata Nilai
<input type="checkbox"/>	BLHW1722	FALSAFAH SAINS DAN TEKNOLOGI	E112100	ILMU ALAMIAH DASAR	A ▼	4
<input type="checkbox"/>	BEKU2333	LITAR ELEKTRIK II	E112212	RANGKAIAN ELEKTRIK	A ▼	4
<input type="checkbox"/>	BEKC3533	PENGANTAR SISTEM KAWALAN	E112225	SISTEM KONTROL	A ▼	4
<input type="checkbox"/>	BLHC4002	PENGURUSAN PROJEK	E112501	MANAJEMEN PROYEK	A ▼	4
<input type="checkbox"/>	BEKA2333	PERSAMAAN PERBEZAAN	E112210	MATEMATIKA 3	A ▼	4
<input type="checkbox"/>	BLHW1702	TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA	E112105	ILMU BUDAYA DASAR	A ▼	4


Proses pendaftaran pelajar Sarjana MBA bagi sesi pengajian 1-2012/2013 telah diadakan pada 19 Mac 2012 bertempat di Makmal Komputer, Pusat Pengajian Siswazah (PPS). Seramai 34 pelajar telah mendaftarkan diri dan 6 daripadanya adalah pelajar baru dan selebihnya adalah pelajar kanan.

# Pendaftaran Pelajar Pasca Siswazah – Perkenal Proses Baru yang ditambahbaik

Proses pendaftaran pelajar yang telah ditambah baik ini telah berjaya dilaksanakan buat pertama kalinya pada sesi ini dan pelaksanaannya akan diteruskan bagi pendaftaran pelajar Sarjana Sains pada sesi akan datang.

Objektif utama penambahbaikan ke atas proses pendaftaran pelajar ini dilakukan adalah untuk membantu dan memudahkan pihak PPS dan Unit Akaun Pelajar (Pejabat Bendahari) mengendalikan proses pendaftaran pelajar baru dan lama dengan lebih sistematik dan efisien. Ia juga dapat membantu mempercepatkan proses pendaftaran pelajar dengan mengoptimumkan penggunaan sistem yang telah ditambah baik.

Berikut adalah proses dan skrin yang terlibat di dalam pendaftaran pelajar ini yang mana keseluruhannya dilakukan menggunakan sistem;




Oleh: shanimah@utem.edu.my

## PAPARAN SKRIN PROSES PENDAFTARAN PELAJAR SISWAZAH

### 1. Student Registration


Skrin ini adalah bertujuan untuk mendaftarkan pelajar baru dan seterusnya menjana nombor matrik pelajar mengikut kepada sesi pengajian pelajar.



**2. Credit Determination**

Skrin ini adalah bertujuan untuk menentukan dan menetapkan jumlah kredit yang ingin diambil oleh setiap pelajar. Penentuan jumlah kredit yang diambil adalah tertakluk kepada peraturan akademik yang digariskan.


Skrin ini dikawal selia oleh PPS



**3. Student Account Status**

Skrin ini adalah bertujuan untuk memaparkan jumlah yuran semasa dan yuran tertunggak yang dikenakan kepada pelajar.

Skrin ini dikawal selia oleh PPS




اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

#### 4. Debit Charge Payment


Skrin ini merupakan skrin untuk merekodkan pembayaran debit caj oleh pelajar mengikut semester dan sesi pengajian yang dipilih.

Skrin ini dikawal selia oleh Unit Akaun Pelajar (Pejabat Bendahari)



#### 5. Subject Registration

Skrin ini digunakan oleh pelajar untuk mendaftar subjek yang ingin diambil. Secara automatik, senarai subjek yang dipaparkan adalah subjek-subjek yang telah didaftarkan semasa proses Credit Determination. Namun pelajar masih boleh mengemas kini senarai subjek yang ingin diambil tetapi pengemaskinian adalah tertakluk kepada jumlah kredit yang telah didaftarkan. Seterusnya pelajar dikehendaki untuk mencetak slip pendaftaran sebagai rekod simpanan dan rujukan.



# MIGRASI

## Microsoft Live@edu ke Office 365

Bermula September 2009, Pusat Komputer telah melancarkan penggunaan *Microsoft Live@edu* sebagai alternatif perkhidmatan komunikasi semua staf dan pelajar terutamanya dalam penggunaan email.

Selain daripada kapasiti penggunaan email sehingga 10GB, pengguna juga dapat menggunakan perkhidmatan 25GB simpanan data dalam talian (*SkyDrive*), sistem penjadualan atas talian, penggunaan perisian *Microsoft Office* atas talian dan beberapa lagi perkhidmatan lain yang diberikan secara percuma kepada pengguna yang memiliki *Windows Live ID*.

Dalam usaha untuk meningkatkan lagi perkhidmatan yang diberikan, Pusat Komputer sekali lagi dengan kerjasama Microsoft (M) akan menaiktaraf perkhidmatan komunikasi ini di bawah program *Office 365*. Kerja-karya menaiktaraf perkhidmatan ini dijangkakan akan bermula Disember 2012 dan dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan Mac 2013.

Oleh: rafidah@utem.edu.my

### Apa Yang Akan Berlaku Setelah Proses Menaiktaraf Dilakukan ?


Selepas kerja-karya menaiktaraf perkhidmatan ini dilakukan, semua pengguna akan memiliki 2 akaun yang berasingan iaitu :

1

Akaun *Office 365*. Akaun ini akan diuruskan oleh pihak pentadbir Pusat Komputer dan ianya akan digunakan untuk mencapai kesemua perkhidmatan yang ditawarkan oleh *Office 365* termasuk email.

2

Akaun *Microsoft Live@edu* persendirian untuk capaian ke *SkyDrive*, *Messenger* dan lain-lain perkhidmatan Microsoft. Akaun ini akan diuruskan oleh pengguna sendiri. Pihak Pusat Komputer tidak lagi mempunyai kuasa untuk melakukan kerja-karya penyelenggaraan terhadap akaun ini terutamanya sekiranya pengguna terlupa kata laluan.



### KELEBIHAN OFFICE 365

Selain daripada perkhidmatan *Microsoft Exchange Online (email)* sehingga 25GB, pengguna juga dapat merasai penggunaan aplikasi berasaskan *Cloud Computing* lain seperti:



Penggunaan aplikasi Perisian *Microsoft Office* yang terkini secara atas talian (*Office Web Apps*) yang meliputi perisian *Word*, *Power Point*, *Excell*, *Access*, *Project* dan *Visio*. Pengguna tidak perlu lagi memikirkan untuk membeli atau menginstall perisian *Microsoft Office* kerana ianya dapat digunakan secara atas talian dengan akaun ini.



Aplikasi komunikasi atas talian (*Instant Messaging Voice and Video Chat*) menggunakan *Lync Online* menggantikan perkhidmatan *Windows Live Messenger*.

Simpanan dokumen atas talian (*SharePoint Online*) yang menggantikan perkhidmatan *Windows Live SkyDrive*.

Sebarang pertanyaan dan maklumat selanjutnya berkenaan *Office 365* dan kerja-karya menaiktaraf perkhidmatan ini, sila layari <http://www.microsoft.com/en-us/office365/what-is-office365.aspx> atau hubungi Pn. Mimi Rahayu Binti Hamdin, Pn. Rafidah Binti Kasim dan En. Khalid Bin Pandi.



# Microsoft Live@edu VS Microsoft Office 365

Email | Simpanan | Komunikasi | Kolaborasi | Microsoft Office

## Transisi Live@edu ke Office 365

Microsoft  
Live@edu

Microsoft  
Office 365

Perkhidmatan

Pengurusan Pentadbir Sistem (Pusat Komputer)

Pengurusan Persendirian

Perkhidmatan	Microsoft Live@edu	Microsoft Office 365
 <p><b>Exchange Online</b> dan <b>Outlook Live</b>                      Perlindungan daripada virus dan spam yang sentiasa dikemaskini untuk Email, Kalendar dan Senarai Hubungan</p>		
 <p><b>SharePoint Online</b>                      Perkongsian dokumen dan informasi yang mudah dan selamat. Pengemaskinian dokumen juga boleh dilakukan dimana-mana sahaja.</p>		
 <p><b>Lync Online</b>                      Hubungan komunikasi dan kolaborasi secara 'real time' atas talian yang mudah dan cekap.</p>		
 <p><b>Office Professional Plus</b>                      Meliputi Aplikasi Perisian Microsoft Office Word, Power Point, Excel dan One Note dengan tambahan Microsoft Visio dan Microsoft Project.</p>		
 <p><b>Office Web Apps</b>                      Aplikasi Perisian Microsoft Office Word, Power Point, Excel Dan One Note .</p>		
 <p><b>SkyDrive</b>                      Simpanan dokumen atas talian seperti fail, foto dan video yang boleh dikongsi bersama rakan-rakan secara mudah pada kapasiti sebanyak 25GB</p>		
 <p><b>Messenger</b>                      Perkhidmatan komunikasi 'Instant Messaging' yang hanya terhad kepada menggunakan teks, perkongsian dokumen dan panggilan suara dan video.</p>		



Perkhidmatan Windows Live secara PERCUMA ini masih diteruskan untuk penggunaan secara individu tetapi tidak termasuk dalam sebahagian daripada perkhidmatan yang terkandung dalam Office 365. Oleh yang demikian, selepas proses menaiktaraf ini dilakukan, pengguna akan mempunyai dua akaun Microsoft yang berbeza.

### Penyimpanan dokumen

Dengan Microsoft Office 2010, pengguna boleh memuat naik dokumen ke *account* Windows Live SkyDrive dan mengaksesnya dari komputer lain. SkyDrive menyediakan 25 GB penyimpanan online PERCUMA, kerana ia diintegrasikan bersama Office Web Apps. Anda dapat melihat dan mengedit dokumen-dokumen ini di mana saja web browser tanpa memerlukan Microsoft Office.

### Memasukkan web video di presentation pengguna

Dengan Office 2010, pengguna dengan mudah dapat meletakkan video klip dari Internet ke dalam *PowerPoint Presentation* seperti video Flash dalam halaman web biasa. Caranya amat mudah, hanya perlu copy 'embed code' dari YouTube atau mana-mana *sharing* video dari laman web dan *paste* di mana saja pada slaid Power Point.

## Kenali Microsoft Office 2010



### Quick Steps in Outlook

Gmail mempunyai fungsi "Send and Archive" yang *multi tasking*. Ketika pengguna klik butang ini, pertama kalinya akan mengirim balasan e-mel dan kemudian tersimpan sebagai *archive* hanya dengan satu klik. Dengan fungsi baru "Quick Steps in Outlook", pengguna dapat menggunakan setiap item Outlook dengan sekali klik. Selain "Send dan Archive", sebagai contoh lain adalah langkah cepat untuk "Send and Delete", fungsi ini akan menghapus e-mel dari *inbox* setelah membalas e-mel tersebut.

### Menyimpan dokumen sebagai PDF

Semua program Office 2010 mempunyai fungsi "built-in PDF writer" iaitu fungsi untuk membantu pengguna menyimpan dokumen ke format PDF hanya dengan klik pada fungsi tersebut.

Oleh: noorazlina@utm.edu.my

### Edarkan Slideshow anda sebagai video

Power Point 2010 dapat mengubah presentation pengguna ke dalam bentuk fail video dan proses *upload* ke YouTube atau mengedarkannya pada *media player portable* seperti iPod.

### Cetak dokumen

Dengan Office 2010, Microsoft telah mengubah dialog box untuk mencetak. Contohnya, pengguna dapat *setting printer* (seperti margin halaman) dan melihat perubahannya pada setiap halaman.

### Outlook gets social

Bila pengguna membuka pesanan e-mel dalam Outlook 2010, akan ditampilkan maklumat berkaitan seperti *attachments file*, gambar, *meeting requests*, dan semua pesanan e-mel sebelumnya.

### Editing Video dalam Power Point

Pengguna boleh membuang beberapa bahagian dari video klip dalam *presentation* dan proses refleksi seperti gabungan 3D *rotation* dapat menjadikan presentation yang hebat dengan hanya menggunakan editing video.

### Built-in Screen Capture

Semua program Office 2010 kini tersedia *screen clipping utility*. Fungsi ini secara automatik akan mengambil *screenshot* dari semua aplikasi yang terbuka pada desktop (tidak termasuk aplikasi yang di *minimize*) dan pengguna dapat memasukkannya ke dalam dokumen anda atau *presentation*.

### Broadcast Slideshows dalam Power Point

Ini mungkin fungsi yang menjadi kegemaran dalam Power Point 2010. Pengguna dapat memberikan presentation secara live melalui web dalam Power Point dan pengguna lain dapat melihat *presentation* menggunakan web browser.

# APA ITU UBUNTU?

## Ubuntu

adalah salah satu edaran Linux yang berasaskan pada Debian dan mempunyai interface desktop. Projek Ubuntu ditaja oleh Canonical Ltd (syarikat milik Mark Shuttleworth). Nama Ubuntu diambil dari nama sebuah konsep ideologi di Afrika Selatan. "Ubuntu" berasal dari bahasa kuno Afrika, yang bererti "rasa perikemanusiaan terhadap sesama manusia". Ubuntu juga bermaksud "aku adalah aku kerana keberadaan kita semua". Tujuan dari pendedaran Linux Ubuntu adalah membawa semangat yang terkandung di dalam Ubuntu ke dalam dunia perisian.

### Mengapa harus Ubuntu?

Komuniti Ubuntu dibentuk berdasarkan gagasan yang terdapat di dalam falsafah Ubuntu:

- Bahawa perisian hendaklah disediakan dengan bebas bayaran
- Bahawa aplikasi perisian tersebut harus boleh digunakan dalam bahasa tempatan masing-masing dan untuk orang-orang yang mempunyai keterbatasan fizikal, dan
- Bahawa pengguna harus mempunyai kebebasan untuk menukar perisian sesuai dengan apa yang mereka perlukan.

### Untuk ciri apa saja yg ada di Ubuntu:

Untuk ciri apa saja yg ada di Ubuntu:

- Untuk multimedia kita boleh mainkan mp3 dengan Rythmbox Music Player, memainkan dvd filem di movie player, PiTiVi editor untuk mengedit filem
- Untuk rangkaian sosial boleh menggunakan Im Messenger seperti Yahoo Messenger (YM), Msn, Jabber, Gtalk dengan Pidgin dan Emphaty, untuk jejaring sosial seperti Facebook. Tweeter dll dengan Gwibber microblogging.
- E-mel dengan Evolution, Thunderbird
- Browser dengan Firefox, Opera
- Untuk efect 3D boleh menggunakan Compiz dan Emerald.
- Dilengkapi dengan wifi

### KELEBIHAN

Bebas virus; buat masa ini virus lebih senang menyerang OS dari MS yg ber ext. Exe untuk Ubuntu berlainan, jadi virus dari os tidak akan berjalan di os linux.

3D Interface Effect sering dijumpai di OS seperti aero yang mana memerlukan spek komputer yg tinggi tetapi Ubuntu dengan spek komputer yg tidak terlalu tinggi sudah boleh dijadikan 3D.

Kompatibili Ubuntu hampir serasi dengan kesemua peranti keras terbaru, dari mulai usb modem, wifi dan peranti lain, iaitu hanya *plug n play*.

Kemudahan Migrasi.

Free alias : Hanya perlu download dari laman Ubuntu

User friendly : untuk orang awam sekalipun boleh menggunakan Ubuntu.

### KEKURANGAN

Sambungan Internet untuk update dan install ubuntu memerlukan sambungan internet yang mahal.

Kurang pengetahuan tentang linux baik dari segi formal atau tidak formal kerana kurikulum pendidikan masih lebih banyak OS dari MS, biasanya kita belajar dari internet atau dari forum untuk mengetahui apa sebenarnya linux itu.



Ubuntu, safe, easy and beautiful

## Pandangan Pertama Windows 8 Consumer Preview

Hari ini seperti yang kebanyakan dari kita tahu, *Microsoft* telah pun melepaskan versi terbaharu sistem operasi *Microsoft Windows 8* kepada pengguna dalam bentuk *Consumer Preview* atau teknikalnya dikenali sebagai Beta. Terdapat beberapa ciri baru yang mula diperkenalkan sepanjang *Windows 8 Consumer Preview* ini.

Antara yang menarik dengan *Windows 8* ini adalah antara muka, penggunaan perisian yang lebih efisien dan persekitaran *Windows 8* yang boleh dikatakan bergantung kebanyakan dengan Internet. Dengan saiz imej ISO sebesar 2.5GB, anda yang telah memuat turun perisian tersebut bolehlah memasangnya sebagai *bootable flash drive* kepada mana-mana pemacu USB mudah alih anda atau pada DVD Drive anda.



Internet Explorer




SkyDrive



Memandangkan edisi yang dilepaskan ini adalah edisi percubaan, maka saya tidak berhasrat untuk menggantikan *Windows 7* kepada *Windows 8 CP* ini sebaliknya saya hanya meneruskan pemasangan kepada *partition hard disk* yang baru secara *dual-boot*.

Semasa proses pemasangan yang boleh dikatakan mengambil masa kurang dari 30 minit, bagi yang menggunakan *dual-boot*, anda akan merasakan perbezaan dari aspek kepantasan *startup* sistem operasi.

Untuk versi *Consumer Preview*, paparan pertama yang anda akan lihat ialah imej *beta fish*. Sebenarnya, tiada kaitan pun OS tersebut dengan ikan tersebut. Hanya nama versi jer yang hampir sama. Sebaik sahaja sesi *loading* selesai, anda akan dibawa kepada skrin start



Messaging

menu Metro yang amat memukau. Bagi mereka yang mempunyai capaian Internet, skrin start menu ini memerlukan anda untuk mengaktifkan Windows terlebih dahulu sebelum dapat menggunakan fungsi-fungsi lain. Sebagai contoh, selagi anda tidak mengaktifkan *Windows 8*, maka anda tidak boleh mengubahsuaikan paparan latar belakang untuk *Start* menu tersebut dan juga paparan imej profil akaun anda.

Mungkin sedikit sukar untuk menggunakan *Start* menu yang baharu ini khususnya pada mereka yang telah serasi dengan versi *Windows* terdahulu dan semasa artikel ini ditulis, tidak dapat dipastikan sama ada *Microsoft* akan membolehkan *Windows 8* untuk mengembalikan *start* menu yang lama meskipun dalam mode grafik asas.



Mail

Camera

People

Oleh: nazam@utem.edu.my

### KELEBIHAN WINDOWS 8

#### Fungsi Sosial


Dalam *Windows 8 Consumer Preview*, ianya boleh dikatakan sebuah sistem operasi yang memfokuskan pengguna berinternet. Jika dilihat, hampir 90 peratus fungsi-fungsi asas dalam sistem operasi terbaru itu menggunakan Internet jalur lebar dan menggalakkan anda merakam masuk ke dalam sistem menggunakan *Microsoft Account*.

Melalui *Windows 8* juga, aplikasi seperti *People* dan *Messaging* diperkenalkan bagi membolehkan anda berinteraksi dengan rakan-rakan maya khususnya *Facebook* secara terus di komputer atau tablet anda. Selain itu, anda turut boleh mengikuti sebarang perkembangan rakan-rakan atas talian anda secara terus di komputer, seperti kemas kini status, hubungan, imej dan sebagainya.

Lebih menarik lagi, anda turut boleh melihat album gambar atas talian anda seperti di *Flickr* atau *Facebook* kepada komputer anda dan setiap perubahan yang dilakukan pada gambar anda akan memberi kesan kepada salinan yang terdapat di laman *Facebook* anda.

#### Pelayaran Web

Untuk versi *Consumer Preview* ini, ianya didatangkan dengan dua jenis pelayar web, iaitu *Internet Explorer 10* yang menyokong kebanyakan seperti *Flash*, *Java* dan sebagainya dan *Metro Internet Explorer* yang lebih memfokuskan minimalis dan pelayaran web.




Aplikasi dan Hiburan

Dalam *Windows 8 Consumer Preview*, Microsoft jelas ingin mengetengahkan ciri-ciri interaktif antara peranti dan pengguna apabila ianya mewujudkan lebih banyak aplikasi yang memfokuskan interaksi antara pengguna, komputer dan Internet.

Kelebihan baharu yang jelas diperkenalkan pada *Windows 8 Consumer Preview* dan versi akhirnya kelak ialah penggunaan *Store*. Melalui *store* ini, pengguna bebas untuk memuat turun sebarang perisian (tertakluk kepada lesen pengeluar) dan memasangnya ke dalam komputer dengan sekali klik sahaja.

Selain itu, *Microsoft* turut memperkenalkan *Windows Reader* – sebuah perisian yang boleh menjalankan fungsi-fungsi asas pembacaan dokumen berformat XPS dan PDF yang mana hari ini kebanyakan dari kita masih bergantung dengan aplikasi pihak ketiga.




Keselamatan

Selain turut didatangkan dengan perisian anti-spyware dan *firewall*, dan enkripsi EFS terbina seperti versi *Windows Vista* dan *Windows 7*, dalam edisi *Consumer Preview* ini, *Microsoft* memperkenalkan beberapa teknik baharu untuk keselamatan data pengguna sistem operasi tersebut dengan amat menarik sekali. Melalui *Windows 8*, secara kasarnya terdapat 3 cara untuk mengawal akses ke dalam sesebuah komputer tersebut iaitu kata laluan, PIN, dan kata laluan imej.

1) Kata laluan - Ini merupakan langkah kawalan sistem operasi yang paling asas di mana pengguna perlu menetapkan beberapa aksara untuk dijadikan kata laluan dan untuk menggunakan sistem operasi, pengguna perlu memasukkan aksara yang sepadan seperti yang tersimpan di dalam sistem operasi.

2) PIN - Ini ialah kod angka 4 digit yang digunakan selepas kata laluan. Ini boleh dikatakan berguna untuk mantapkan akses kepada *Lock Screen*. PIN ini boleh digunakan untuk anda log masuk ke dalam *Windows* dan menjadikan proses log masuk lebih pantas.


3) Kata laluan imej - Ini boleh dikatakan konsep terbaru yang diperkenalkan *Microsoft* dalam *Windows 8* ini dan tidak diperkenalkan dalam versi-versi terdahulu. Melalui kata laluan imej, pengguna perlu “melukis” sesuatu di atas imej sebagai contoh, “lukisan yang mengikut bentuk baju yang dipakai oleh pengguna dalam gambar”. Ini menjadikan kata laluan tersebut unik dan agak mustahil untuk dicerobohi. Kata laluan imej dengan cara “melukis” adalah lebih kurang sama seperti yang digunakan sebagai ciri keselamatan pada kebanyakan telefon pintar yang mempunyai skrin sentuh sepenuhnya seperti *Sony Erricsson XPERIA* dan sebagainya.



Teknologi Rangkaian

Dengan teknologi mudah alih yang semakin berkembang pesat dan ura-ura *Windows 8* akan dikeluarkan dalam bentuk tablet Lumia “Coffee” Tab kepada pengguna kelak, adalah tidak mustahil pengguna perlu melanggan pakej data seperti mana *iPhone*, *iPad* dan tablet pintar yang lain.

Oleh sebab itu, *Windows 8 Consumer Preview* muncul dengan penyelesaian kreatif yang mana membolehkan kawalan meter Internet. Melalui kawalan metered Internet ini, pengguna boleh menghadkan capaian transaksi data yang dilakukan supaya tidak melebihi had yang ditetapkan dalam pelan data pengguna dan sekali gus dapat mengelakkan pengguna dari dikenakan lebihan caj.



**Linux** adalah sebuah sistem operasi yang dibangunkan oleh Linus Benedict Torvalds dari Universiti Helsinki, Finland. Sebagai projek pertama bermula tahun 1991, Torvalds menulis *Linux*, di sebuah kernel untuk prosesor 80386, prosesor 32-bit pertama dalam kumpulan CPU Intel yang sesuai untuk PC. Kemudian barulah pada tarikh 14 Mac 1994 versi 1.0 mulai dilancarkan, dan hal ini menjadi tonggak sejarah *Linux*.

*Linux* ini sendiri merupakan klon dari UNIX yang telah di-port ke pelbagai platform, Intel 80 × 86, AlphaXP, MIPS, Sparc, Power PC, dan sebagainya. Sekitar 95% kod sumber kernel sama untuk semua platform peranti keras. *Linux* termasuk di dalam sistem operasi yang diedarkan secara *open source*, ertinya kod sumber *Linux* dapat dipelajari dan dikembangkan dengan mudah.

Selain itu *Linux* dibangunkan oleh GNU (*General Public License*). *Linux* boleh digunakan untuk pelbagai keperluan, seperti rangkaian, pembangunan *software*, dan sebagai *end-user* platform. Selama ini *Linux* menjadi sistem operasi yang menjadi banyak perhatian kerana kecanggihannya dan harganya yang relatif murah berbanding dengan sistem operasi yang lain. *Linux* menyokong banyak peranti keras komputer, dan telah digunakan di dalam pelbagai peralatan dari Komputer Peribadi, Super Komputer dan Sistem Benam (*Embedded System*) seperti *handphone* dan Perakam Video peribadi Tivo.



Oleh: saiful@tem.edu.my

## SEJARAH LINUX

*Linux* adalah sistem operasi yang *open source*, bebas dan terbuka. Sehingga tidak perlu bayaran untuk mendapatkannya, lesen **FREE!**

*Linux* mudah dikendalikan sekarang. Tidak seperti dulu yang masih sinonim dengan para hacker, kemunculannya pun telah mengikuti perkembangan, bahkan lebih baik daripada *Windows 7*.

Hampir semua aplikasi yang boleh dijalankan di *Windows*, telah ada aplikasinya di *Linux* yang dibangunkan oleh komuniti *Linux* atau boleh menggunakan bantuan *software emulator* seperti *wine* untuk menjalankan *file.exe* dan *Msi* yang biasanya jalan di *Windows*.

Mempunyai keselamatan yang unggul kerana direka bentuk *multiuser* sehingga bila virus menjangkiti *user* tertentu, akan sangat sukar dijangkiti dan menyebar ke *user* yang lain. Berbeza dengan *Windows* yang pasti pernah terkena virus, *spyware*, *trojan*, *adware*, dan sebagainya. Hal ini hampir tidak berlaku pada *Linux*. Ada pendapat bahawa *Linux* lebih selamat kerana jumlah pengguna lebih sedikit berbanding *Windows*, namun anggapan itu kurang pasti.

Sesuai untuk komputer dengan spesifikasi minimum kerana *Linux* memerlukan *resource* yang lebih kecil dari *Windows*. Selain itu hampir semua *distro* popular menyediakan versi 32 bit mahupun 64 bit.

## KELEBIHAN LINUX

*Linux* dapat berjalan dalam dua mod, mod teks dan mod *GUI* namun pada umumnya mod teks (terminal) ini lah yang menjadi kekuatan *Linux*.

Mod *GUI* sendiri mempunyai banyak pilihan *desktop environment*-nya seperti *KDE*, *Gnome*, *BlackBox*, *XFCE*.

Jarang sekali komputer tiba-tiba 'hang' dan harus 'restart' dengan menekan butang 'ctrl + alt + del' untuk menamatkan kejadian tersebut kerana *Linux* lebih stabil. Komputer yang dijalankan di atas sistem operasi *UNIX* sangat dikenali stabil berjalan tanpa henti seperti halnya *Linux*.

*Linux* mempunyai keserasian ke belakang yang lebih baik (*better backward-compatibility*). Alat keras yang telah berusia lama, masih sangat berguna dan dapat dijalankan dengan baik di atas *Linux* termasuk sokongan pada *software*nya.

Mempunyai komuniti yang besar dan pelbagai di seluruh dunia

Terdapat pelbagai pilihan seperti *Ubuntu*, *Debian*, *RedHat*, *openSUSE*, *Fedora*, *Mandriva (Mandrake)*, dan sebagainya. Kepelbagaian ini memberi kita banyak pilihan sesuai dengan keperluan masing-masing.

Ramai pengguna yang belum terbiasa dengan *Linux* dan masih '*Windows minded*', takut untuk beralih dari *Windows*.

Sokongan peranti keras dari vendor-vendor tertentu yang tidak terlalu baik pada *Linux*. Untuk mencari senarai peranti keras yang disokong pada *Linux*, kita dapat melihatnya di *Linux-Drivers.org* atau *LinuxHardware.org*.

Proses pemasangan software / aplikasi yang tidak semudah di *Windows*. Pemasangan software di *Linux*, akan menjadi lebih mudah bila disambung ke Internet atau apabila mempunyai *CD / DVD repository*-nya. Jika tidak, maka kita harus memuat turun satu per satu *package* yang diperlukan berserta *dependencies*-nya.

## KEKURANGAN LINUX

Bagi pentadbir sistem yang belum terbiasa dengan *Unix-like* (seperti *Linux*), maka mahu tidak mahu harus mempelajari hal-hal ini. Sehingga syarat untuk menjadi pentadbir adalah manusia yang suka belajar hal-hal baru dan terus-menerus belajar.

Aplikasi-aplikasi di *Linux* belum seampuh aplikasi di *Windows*.

Struktur direktori dan hak-hak-akses yang membingungkan bagi yang sudah terbiasa dengan *Windows* dan belum mengenal *UNIX / Linux* sama sekali.

**NOD32** Antivirus produk pembasmi virus keluaran produk Eset. Program ini menjaga komputer ketika melakukan *browsing*, *download*, *upload* foto, bermain *game online*, dan berkirim *email*.

Programnya juga tidak begitu besar sehingga menjimatkan penggunaan *space harddisk* dan dapat berjalan cepat dan ringan. Oleh yang demikian, Eset menjamin program ini mampu mengesan dan melumpuhkan virus *trojan*, *worms*, *adware*, *spyware*, *phising*, *rootkits*, *malware* dan lain-lain.

Dengan teknologi *ThreatSense™*, Antivirus ESET NOD32 merupakan salah satu kaedah alternatif untuk menangani virus dan *spyware*. Teknologi ini merupakan sistem peringatan awal yang memungkinkan komputer mendeteksi ancaman *malware* baru yang dapat muncul setiap saat.

## PERISIAN ANTIVIRUS ESET NOD 32

Oleh: noorazlina@utem.edu.my

### Deteksi Proaktif

Dengan menggunakan teknologi *Threatsense*, ESET NOD32 mampu menciptakan perlindungan secara proaktif dan profesional dari *malware* yang diketahui dan tidak diketahui serta mengesan 'perilaku aneh' aplikasi-aplikasi dalam PC yang dicurigai sebagai virus.

### Program Sangat ringan

Antivirus ini dirancang para programmer untuk memberikan kaedah cepat dan efisien dalam melindungi PC tanpa banyak membebani sistem.

### Scan Tercepat

Program ini tidak akan melambatkan sistem PC ketika melakukan *scanning*/pemindahan file dalam komputer. Pengguna boleh melakukan aktiviti seperti memuat turun *file*/*foto*, *browsing*, bahkan bermain *game* tanpa ada gangguan.

### Instalasi Mudah

Pengguna awam komputer dapat melakukan instalasi sendiri dengan mudah. Program ini akan berjalan di *background* tanpa mengganggu aktiviti penggunaan PC untuk kepentingan lainnya.

## Ciri -ciri ESET NOD 32


**eset**  
**NOD32**  
Antivirus System

## INTERFACE

Salah satu ciri yang nampak dan berubah ialah warna permukaan cs6 ni, ia gelap dan ampak lebih senang untuk mencari sesuatu tool. Interface atau antaramuka CS6 ini disediakan dalam variasi warna yang berbeza iaitu dari permukaan gelap hingga ke permukaan cerah seperti yang terdapat di dalam Adobe sebelum ini seperti CS3, CS4 dan CS5.

**Info:**

Mac: Photoshop > Preferences > Interface  
 PC: Edit > Preferences > Interface



Perubahan warna permukaan dari cerah hingga gelap

## LAYER FILTERING

Ciri yang paling memberi kesan ialah Layer Filtering. Susunan kerja bagi mengelak pertindihan perlu ia diletakkan di bahagian Layer. Melalui CS6, pengguna boleh mengasingkan susunan kerja mengikut Name, Effect, Mode, Attribute dan Color bagi memudahkan kerja-kerja pengeditan.



Oleh: azilina@utem.edu.my


# PHOTOSHOP CS6

Adobe Photoshop atau biasa disebut *Photoshop*, adalah sebuah perisian yang telah dibangunkan oleh Adobe Systems yang dikhususkan untuk pengeditan foto/gambar dan membuat efek. Adobe telah melancarkan Adobe Photoshop versi CS6 yang menyasarkan pengguna mereka yang terdiri daripada golongan pereka /artis digital.


Beberapa ciri tambahan baru yang menarik antaranya ialah ciri *Interface*, *Properties Panel*, *Layer Filtering*, *Patch Tool*, *Oil Paint Filter*, *Video Editing*, *Blur Gallery*, *Adaptive Wide Angle*, *Shape Strokes*, *Crop Changes*, *Perspective Crop Tool*, *3D Improvements*, *Layer styles on Groups*, *Background Save/Auto Recover* dan *Color Ranges Change*.

## OIL PAINT FILTER

Adobe CS6 yang baru ni dapat menghasilkan efek seperti lukisan menggunakan cat minyak. *Oil Paint Filter Tool* kali ini lebih ringan dan cepat untuk melihat kesannya dan ia bertindak dengan cepat apabila ingin membuat perubahan pada keseluruhan gambar.




Sebelum



Selepas

## PROPERTIES PANEL

Dalam *Properties Panel* akan memaparkan segala perubahan yang telah dipilih atau dibuat. *Properties Panel* juga akan memaparkan ciri-ciri Adjustment seperti *Curves*, *Scene*, *Mask*, *3D* dan banyak lagi.



Paparan di atas akan muncul apabila Layer di klik

## VIDEO EDITING

Melalui CS6, pengguna dapat melakukan kerja-kerja pengeditan video dengan kemas dan teratur. Pembaharuan yang dibuat ini adalah lebih ringan, mudah, penyusunan video & muzik yang tersusun di timeline yang disediakan. Ciri *Video Editing* membolehkan pengguna mengedit, mengawal kelajuan video, mengedit audio, menapis video dan sebagainya.






## PATCH TOOL

Sememangnya ada *Patch Tool* di dalam *photoshop* sebelum ini tetapi kali ini ada penambahan yang menarik di dalam *Patch Tool*. Bagi pengguna yang selalu menggunakan *Patch Tool*, dapat membezakan ciri tambahan tersebut. *Tool* ini sangat mudah digunakan dan menjimatkan masa selain dapat menyempurnakan kerja seperti contoh pemindahan gambar secara sebelah menyebelah dan sebagainya. Di dalam *Patch Tool*, terdapat juga ciri *Content Aware*, *Extend* dan *Move Tool*.

### a. Content Aware



### b. Extend



### C. Move Tool



## PROPERTIES PANEL

Terdapat tambahan 3 efek *Blur* di CS6 iaitu *Field Blur*, *Iris Blur* dan *Tilt-Shift*.

### a. Field Blur

*Field-Blur* ini untuk kabur keseluruhan gambar dengan mudah contoh dari bahagian hujung A ke hujung B.




### b. Iris Blur

Bagi mereka yang ingin menghasilkan efek tumpuan pada satu objek dalam imej, *Blur Iris* mungkin pilihan yang terbaik. Seperti namanya, kabur ini mewujudkan elips di sekitar kawasan tumpuan, yang boleh diselaraskan untuk meliputi lebih atau kurang pada gambar yang dipilih.





### c. Tilt Shift

*Tilt-Shift* adalah satu proses yang boleh memberi efek gambar seperti kecil. Walau bagaimanapun, tidak semua gambar akan mendapat manfaat daripada kesan ini. Biasanya, pengguna perlu memilih gambar *overhead* di mana subjek utama adalah pada jarak dari kamera sendiri.



## ADAPTIVE WIDE ANGLE

*Filter* baru ini direka khas untuk membolehkan pengguna memperbaiki gambar yang diambil menggunakan lensa sudut luas/pandangan penuh. *adaptive wide angle* ini boleh digunakan untuk memperbaiki gambar yang melengkung.




## SHAPE STROKES

Versi CS sebelum ini tidak terdapat *Shape Strokes* dengan garisan putus, sama ada bulat atau petak, tetapi ciri kali ini lebih lengkap dan boleh didapati di Adobe CS6. Selain garisan *stroke* yang mudah dihasilkan, ia juga mudah untuk mengubah warna dan lengkungan mengikut ukuran yang dikehendaki.



## CROP CHANGES

Ciri ini juga terdapat pada versi sebelum ini, tetapi kali ini ianya diubahsuai untuk lebih menarik dan mudah digunakan. Apabila *cropping* dibuat, gambar asal tidak berubah dan masih ada malah ia akan menghasilkan imej baru di dalam fungsi *crop* tersebut.



## COLOR RANGES CHANGE

Dalam Adobe CS6 ini, terdapat *tool* yang mampu mengesan warna keseluruhan berdasarkan ton kulit. Kesan ini boleh digunakan mengikut kesesuaian hasil kerja yang diinginkan pengguna.



## PERSPECTIVE CROP TOOL

Ciri seperti *Perspective Crop Tool* versi Adobe CS6 ini lebih mudah didapati dan dipaparkan di dalam barisan *tool-tool* yang lain.



Sebelum

Selepas


## 3D IMPROVEMENTS

Ciri 3D yang terdapat pada CS5 adalah sangat rumit dan susah untuk perkemaskan hasil kerja, tetapi dalam versi terkini ini ianya sangat mudah, cantik, dengan kesan pembaharuan dlm hasilkan kesan bayang, mengubah warna dengan mudah serta dilengkapi ciri tapak perspektif.




## LAYER STYLES ON GROUPS

Tambahan effect pada layer di dalam *group* tidak dapat dilakukan menggunakan CS terdahulu, tetapi melalui CS6 ini, ianya dapat dilakukan dengan pantas dan mudah. Jika sebelum ini perubahan perlu dilakukan pada *layer* satu persatu tetapi kini hanya perlu memilih *group* dan dengan mudah dan cepat boleh membuat perubahan pada keseluruhan *group*.



## BACKGROUND SAVE/AUTO RECOVER

*Background save /auto recover* membolehkan pengguna menetapkan masa untuk perisian menyimpan hasil kerja secara auto seperti setiap 5 minit, 10 minit, 15 minit atau sebagainya. Dengan ciri baru ini, secara automatik kerja akan disimpan sambil pengguna membuat kerja.



**Info:** This does NOT save otopop of your current document. It saves it in a separate location, specifically for recovery purposes



Pusat Komputer, UTeM telah menerima lawatan daripada Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) pada 8 Mei 2012.

Seramai 14 orang staf daripada UTHM yang turut serta dalam lawatan penanda aras OBE ini dan delegasi dari UTHM ini diketuai oleh Dr. Sh Salleh bin Sh Ahmad Timbalan Dekan, Pusat Pembangunan Akademik (CAD).

Mereka yang hadir adalah daripada dua PTj utama iaitu 8 orang staf daripada Pusat Pembangunan Akademik (CAD) dan 6 orang staf daripada Pusat Teknologi Maklumat (PTM) yang terdiri daripada staf akademik, IT dan pentadbiran.

Oleh: hayani@utem.edu.my

Tujuan utama lawatan tersebut adalah untuk berkongsi pengalaman berkenaan dengan pembangunan dan pelaksanaan Modul OBE (Outcome Based Education) di UTeM. Sesi bermula dengan ucapan aluan dan taklimat pengenalan berkenaan dengan Pusat Komputer sepintas lalu, misi, visi, objektif, struktur organisasi, perkembangan Pusat Komputer sehingga sekarang dan seterusnya kepada sesi pembentangan Modul OBE. Taklimat berkenaan dengan strategi-strategi yang digunakan dalam pembangunan aplikasi di UTeM.

## LAWATAN PENANDAARAS OBE DARI UTHM KE PUSAT KOMPUTER UTeM

**“Tujuan utama lawatan tersebut adalah untuk berkongsi pengalaman berkenaan dengan pembangunan dan pelaksanaan Modul OBE (Outcome Based Education) di UTeM.”**

Sesi bermula dengan ucapan aluan dan taklimat pengenalan berkenaan dengan Pusat Komputer sepintas lalu, misi, visi, objektif, struktur organisasi, perkembangan Pusat Komputer sehingga sekarang dan seterusnya kepada sesi pembentangan Modul OBE.

Terdapat 5 strategi utama yang digunakan iaitu :-

1. Aplikasi berasaskan portal bagi semua sistem maklumat utama
2. Semua sistem adalah berintegrasi sepenuhnya
3. Pembangunan sistem secara berfasa
4. Pembangunan sistem yang mesra pengguna
5. Sistem di selenggara oleh Pusat Komputer manakala data dikemas kini oleh peringkat pengguna

Sesi taklimat ini telah disampaikan oleh Pengarah Pusat Komputer, En Mohd Isa Bin Mohd Dom serta pasukan teknikal OBE Pusat Komputer. Turut hadir bersama ialah Profesor Dr. Md Razali Bin Ayob, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) selaku Pengerusi OBE serta Dr. Jariah Bt Mohamad Juoi selaku Penyelaras Jawatankuasa OBE untuk sama-sama berkongsi pengalaman sepanjang proses pembangunan dan pelaksanaan modul OBE ini.

Pelbagai soalan yang diutarakan antaranya apakah cabaran utama dalam pelaksanaan Modul OBE, bagaimanakah penilaian yang dilakukan ke atas sesuatu yang melibatkan soft skill, bagaimanakah untuk menentukan KPI PEO, PO dan LO seterusnya penilaian ke atas seseorang pelajar dan banyak lagi. Alhamdulillah segalanya dikongsikan bersama sepanjang sesi lawatan ini.

Secara keseluruhannya pelbagai maklumat dan informasi yang diperolehi daripada sesi lawatan ini. Akhir sekali Pusat Komputer berharap agar lawatan ini memberi manfaat kepada semua pihak dan menjadikannya sebagai satu platform perkongsian pengalaman dan kepakaran dalam sama-sama menyediakan lebih banyak sistem aplikasi seterusnya membantu dalam meningkatkan kecekapan pengurusan, pengajaran dan pembelajaran. Sesi diakhiri dengan pertukaran cenderahati sebagai tanda penghargaan dan sesi bergambar.



13 Jun 2012 : Pusat Komputer, UTeM telah mengadakan Lawatan Kerja ke Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Tanjung Malim, Perak.

Seramai 4 orang staf daripada Jabatan Infostruktur Pusat komputer UTeM yang terlibat iaitu :


1. Pn Norhazlena Bt Sabtu (PPTM (K)) – Mengetuai Delegasi
2. Pn Hayani Abu Yamin (PTM)
3. En Hazril Abdul Wahab (PTM)
4. En Hisamudin Kamarudin (PTM)

Tujuan utama lawatan kerja tersebut adalah lebih kepada perkongsian maklumat berkenaan dengan pengalaman pembangunan dan pelaksanaan 'aplikasi mobile' yang telah diguna pakai di UPSI. Selain daripada itu, lawatan kerja ini juga adalah untuk berkongsi kaedah serta teknologi yang digunakan di dalam 'aplikasi mobile' tersebut.

En Mohd Nazri selaku Pengarah ICT UPSI telah memberikan kata-kata aluan dan memberi sedikit taklimat tentang Pusat ICT UPSI sepintas lalu serta menerangkan 'aplikasi mobile' secara konseptual. Beliau juga berkongsi pandangan yang mana generasi sekarang haruslah berubah kepada generasi baru iaitu generasi "V" (generasi virtual / maya) mengikut kepada peredaran teknologi yang semakin berkembang dengan pesatnya. Dengan perkembangan *smart gadget / smart phone* yang semakin meluas seperti *ipad, samsung, iphone* dan sebagainya adalah menjadi keperluan supaya sistem-sistem aplikasi yang berasaskan *desktop computer* berubah ke arah 'aplikasi mobile'.

Tujuannya agar maklumat atau informasi mudah dan cepat dicapai oleh pengguna di mana-mana sahaja mereka berada. Dengan cara ini, pengguna juga diberi satu lagi kaedah (options) lain yang lebih cepat dan pantas yang mana mereka boleh mengakses maklumat mereka menerusi peralatan mobile mereka. Selain daripada perubahan ke arah 'aplikasi mobile', En Nazri juga menyentuh agar semua agensi mengambil inisiatif untuk berubah ke arah persekitaran *cloud computing*. Beliau juga berkongsi tentang aplikasi *myGURU* yang diguna pakai di UPSI.

## APLIKASI MOBILE Lawatan Kerja Ke Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi, UPSI



Secara perinciannya, sistem 'aplikasi mobile' yang diguna pakai di UPSI dinamakan 'Mobilearn' yang merangkumi 3 pengguna utama iaitu pelajar, staf/pensyarah dan penjaga.

Modul-modul yang disediakan di dalam 'Mobilearn' ialah :-

1. News
2. About UPSI
3. Location
4. Telephone Directory
5. University's Anthem
6. FAQ
7. Staff
8. Alumni Directory

'Mobilearn' ini boleh diakses menggunakan *smart gadget* seperti *Apple Mobile Devices* dan *Android* melalui url <http://m.upsi.edu.my>

Selain daripada perkongsian berkenaan dengan 'aplikasi mobile', mereka juga berkongsi berkenaan dengan Sistem 'Online Smartcard Photo Uploader' (e-UMPC). Tujuannya adalah untuk mempercepatkan proses percetakan dan

penyerahan kad matrik pelajar dan mengatasi masalah pelajar pengajian jarak jauh (PJJ).

Sesi lawatan kerja ini diakhiri dengan pertukaran cenderahati di antara kedua belah pihak sebagai tanda penghargaan. En Nazri juga sempat meluangkan masa beliau untuk membawa kami melawat kampus baru UPSI yang sangat luas.

Secara keseluruhannya pelbagai ilmu, pandangan, nasihat dan informasi yang sangat berguna diperolehi daripada sesi lawatan ini. Pusat Komputer UTeM, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi UPSI kerana perkongsian ilmu serta pengalaman sepanjang membangunkan dan melaksanakan aplikasi mobile ini.

Inshaallah segala ilmu dan informasi yang diperolehi hasil daripada lawatan kerja ini akan diaplikasikan di UTeM untuk membawa UTeM ke suatu era dan persekitaran baru selaras dengan arus perkembangan teknologi yang semakin berkembang dengan pesatnya.

Program satu hari anjuran Pusat Komputer UTeM padat dengan aktiviti bercorak kesihatan kepada staf telah diadakan baru-baru ini. Bermatlamatkan kesihatan sepanjang hayat, program ini dirangka sebagai acara tahunan Pusat Komputer. Turut serta menjayakan program ini adalah Pakar Pemakanan dari Pusat Perubatan Mahkota, Melaka dan para doktor serta pembantu-perubatan dari Klinik UTeM.

Antara lain objektif program ini adalah sebagai Kempen Kesedaran kepada staf akan kepentingan menjaga kesihatan di usia muda sebelum diserang apa-apa penyakit. Sikap ambil mudah individu dalam menjaga kesihatan membuatkan mereka lupa bahawa mereka sebenarnya berisiko kepada pelbagai ancaman penyakit senyap yang akhirnya menyumbang kepada pelbagai isu-isu lain yang bersangkutan seperti masalah kewangan dan prestasi kerja yang merosot.


Beban kerja di pejabat bukanlah alasan untuk setiap individu alpa akan risiko penyakit, selain itu, kesihatan seseorang tidak bergantung semata-mata kepada keadaan luaran fizikal semata-mata, sebaliknya pengabaian penjagaan organ dalaman sebenarnya lebih berbahaya kerana ia memerlukan pemerhatian dan rujukan pakar.

## Hari Kesihatan Rangsang Gaya Hidup Sihat Staf

Sepanjang program berlangsung, tiga aktiviti dijalankan iaitu ceramah obesiti dan tip pemakanan sihat oleh Pakar Pemakanan, pemeriksaan kesihatan dan juga sesi senamrobik selama 40 minit pada sebelah petang. Ceramah bertumpu kepada gaya pemakanan sihat dalam diet harian mengikut sukatan yang dicadangkan oleh pakar nutrisi. Pemeriksaan kesihatan setiap staf yang merangkumi tekanan darah, BMI, pemeriksaan gula dan lemak dalam badan, kepadatan otot badan, umur biologi individu serta nasihat pemakanan yang betul.

Berdasarkan rekod yang diambil, umur biologi kebanyakan staf dicatatkan melebihi umur sebenar. Ini menunjukkan penekanan perlu diambil terhadap menu harian yang diambil termasuk jenis menu, kuantiti setiap hidangan dan masa makanan tersebut diambil untuk mengembalikan umur sebenar individu.

Membudayakan aktiviti sukan dalam tugas harian sememangnya dititik beratkan oleh semua staf di sini. Selain Hari Kesihatan, peranan Kelab Rekreasi dan Kebajikan staf (K-Scm) juga banyak membantu staf sentiasa kelihatan sihat dan muda. Sepanjang tahun pelbagai aktiviti riadah dan sukan dianjurkan.



# PENGUMPULAN PAKAIAN TERPAKAI – SUMBANGAN BERTERUSAN

Pada awal tahun 2012 Pusat Komputer dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengadakan aktiviti pengumpulan baju terpakai. Lanya adalah sebuah aktiviti Khidmat Masyarakat yang dilaksanakan dan dijalankan secara berterusan pada tahun 2012.

Keperihatinan untuk meringankan beban kepada yang memerlukan adalah satu usaha murni yang harus sentiasa dipupuk dan disemai sepanjang masa. Lanya dapat meningkatkan rasa syukur dari masa ke masa supaya hidup menjadi lebih diberkati dan diredhai oleh Allah. Pelbagai cara yang boleh dilakukan dalam usaha membantu kepada yang memerlukan. Pengumpulan baju terpakai adalah salah satu cara yang mudah dan praktikal untuk dilaksanakan.

Hasil daripada itu, maka Pusat Komputer menjadi Pusat Pengumpulan pakaian terpakai dan ia mendapat kerjasama baik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pakaian-pakaian terpakai yang dikumpulkan dari masa ke masa akan diambil oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk diberikan kepada golongan yang memerlukan seperti mangsa-mangsa banjir, Orang Asli, mangsa kebakaran dan lain-lain lagi.

Bagi yang ingin menyumbangkan pakaian terpakai boleh menghantar terus ke Pusat Komputer. Moga usaha yang dilaksanakan ini, dapat memberikan kesejahteraan dan meringankan bebanan kepada yang memerlukan.



**“Pusat Komputer menjadi Pusat Pengumpulan pakaian terpakai dan ia mendapat kerjasama baik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat”**

## KELAHIRAN BAYI



♂ **Wan Mohd Pazri Bin Wan Othman**  
 ♀ **Wan Muhammad Haziq Haqim Bin Wan Mohd Pazri**  
 12/11/2011

♂ **Irastika Murni Binti Selamat**  
 ♀ **Irena Zia Nuha Binti Hazre**  
 13/12/2011

♂ **Rohaili Bin Ramli**  
 ♀ **Muhammad Zafran Reedha Bin Rohaili**  
 27/01/2012

♂ **Khairunnisak Binti Mazlan**  
 ♀ **Auni Khaleesya Binti Muhd Faiz**  
 15/02/2012



♂ **Raihana Binti Md Kasim**  
 ♀ **Madiah Hana Binti Mohamad Azmi**  
 10/08/2012



♂ **Nor Sabrina Binti Abdul Malek**  
 ♀ **Nur Alma binti Muhammad Afizan**  
 10/08/2012



♂ **Mohd Sallehin Bin Othman**  
 ♀ **Nurul Alisha Binti Mohd Sallehin**  
 18/02/2012






## PUSAT KOMPUTER MENJADI GERAI TERBAIK SAMBUTAN EIDUL FITRI 1434H

“Yang Ringan sama dijunjung Yang Berat sama dipikul” itulah kata-kata semangat yang dipegang oleh warga Pusat Komputer dalam perbincangan pertama berkaitan persediaan Sambutan Eidul Fitri 1434H di UTeM.

Di atas prinsip mencari kelainan dalam penyediaan juadah dan keceriaan khemah maka seluruh warga Pusat Komputer saling bekerjasama di dalam merealisasikan kelainan yang sama dipersetujui.



lanya adalah titik tolak dari hasil semangat kesepakatan, kerjasama dan kekeluargaan maka perancangan yang dibuat bersama akhirnya menghasilkan kejayaan. Kepuasan di dalam memberikan suasana kelainan kepada pengunjung pada kali ini amatlah dirasai dengan melihat kemesraan dan kegembiraan pengunjung yang akhirnya dapat menyuburkan hubungan silaturahim antara satu sama lain.

Kelainan yang diwujudkan di khemah Pusat Komputer bertemakan “Zaman Dulu-Dulu” menjadikan Khemah Pusat Komputer sebagai warung Terbaik bagi Sambutan Eidul Fitri tahun 2012. Bermula dari keceriaan khemahnya dengan penggunaan daun nipah dianyam menjadikan tingkap serta tulisan Jawi dan seterusnya juadahnya yang lazat dapat meningkatkan suasana kelainan yang diinginkan oleh pengunjung.


Selain itu juga, kesemua warga Pusat Komputer bersama-sama menggayakan pakaian zaman dahulu, yang mana wanitanya dengan berkerudung menggunakan kain batik dan lelakinya bercapal. Bagi menampakkan lagi suasana tradisional Melayu penyediaan permainan seperti congkak dan dam haji dipamerkan dan dipermainkan serta sejourus ketibaan Tetamu Kehormat di Khemah Pusat Komputer persembahkan Silat Gayung dipersembahkan yang mana ianya diiringi muzik tradisional.







Objektif kelainan yang diwujudkan oleh Pusat Komputer pada kali ini adalah untuk mengembalikan memori pengunjung akan keharmonian dan kemersraan yang telah wujud di Malaysia ini sejak dahulu lagi. Sehubungan itu, kita generasi masa kini harus malahirkan rasa syukur dan menghargai jasa yang telah ditaburkan oleh generasi dulu supaya ianya dapat dirasai oleh generasi akan datang.



MENARIK SEPANJANG TAHUN



# HARI KELUARGA PUSAT KOMPUTER















# Jamuan HARI RAYA UNIVERSITI





TEKNIKAL MALAYSIA  
Universiti Teknikal Malaysia-Melaka  
010-053-998



# KALENDAR LATIHAN ICT 2013

Microsoft Office Power Point 2010	6 & 7	<b>FEB</b>
Microsoft Office Visio 2010 (Basic & Intermediate)	18 & 19	
Microsoft Office Word 2010	20 & 21	

Adobe Photoshop CS5	4 & 5	<b>MAC</b>
Microsoft Office Excel 2010	6 & 7	
Microsoft Office Publisher 2010	11 & 12	
Microsoft Office Project 2010	18 & 19	

Pembangunan Laman Web (Adobe Photoshop & Dreamweaver)	3 & 4	<b>APRIL</b>
Keselamatan Komputer	10	
Microsoft Office Word 2010	17 & 18	
Microsoft Office Visio 2010 (Advanced)	22 & 23	

Microsoft Office Visio 2010 (Basic & Intermediate)	6 & 7	<b>MEI</b>
Microsoft Office 365	13 & 14	
Penyelenggaraan & Konfigurasi Komputer	27 & 28	
Microsoft Office Publisher 2010	29 & 30	

Microsoft Office Excel 2010	3 & 4	<b>JUN</b>
Microsoft Office Power Point 2010	12 & 13	
Microsoft Office Visio 2010 (Advanced)	17 & 18	
Adobe Photoshop CS5	26 & 27	

Pembangunan Laman Web (Adobe Photoshop & Dreamweaver)	1 & 2	<b>JULAI</b>
---	-------	--------------

Microsoft Office 365	11 & 12	<b>SEPT</b>
Windows 7	17 & 18	

Keselamatan Komputer	9	<b>OKT</b>
Penyelenggaraan & Konfigurasi Komputer	2 & 3	

Windows 7	6 & 7	<b>NOV</b>
-----------	-------	------------

